



LAPORAN TAHUNAN DMDC 2024



Imbas kod QR untuk
mengakses Laporan
Tahunan DMDC dalam talian

Hubungi kami

dmdc.unimap.edu.my 

04 - 941 4401 / 4402 / 4403 

Pusat Pengurusan dan
Pembangunan Digital (DMDC) 
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Kampus Pauh Putra, 02600 Arau, Perlis
MALAYSIA

PENGENALAN	1
BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT	5 - 23
SEKSYEN PUSAT DATA	5
SEKSYEN RANGKAIAN KAMPUS	12
SEKSYEN KESELAMATAN ICT DAN TELEKOMUNIKASI	18
BAHAGIAN PEMBANGUNAN DIGITAL & ANALITIK DATA	24 - 97
SEKSYEN DIGITAL KEWANGAN	24
SEKSYEN DIGITAL AKADEMIK	31
SEKSYEN DIGITAL KORPORAT	46
SEKSYEN DIGITAL PEMBELAJARAN BERTERUSAN	50
SEKSYEN DIGITAL SOKONGAN	71
SEKSYEN DIGITAL HEPA	74
SEKSYEN DIGITAL PERSONEL & ANALITIK DATA	80
BAHAGIAN GOVERNAN & PENGURUSAN PERANTI PINTAR	98 - 104
SEKSYEN PENGURUSAN GOVERNAN	98
SEKSYEN PENGURUSAN PERANTI PINTAR	106
SOROTAN AKTIVITI SEPANJANG 2024	107

EDITOR

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DIGITAL & DATA ANALITIK

Ts. Nor Azima Abu Seman

SEKSYEN DIGITAL PERSONEL & ANALITIK DATA

En. Mohd Roshimi Md Shahor

Pn. Nurul Akhmar Abdul Hamid

En. Mohd Razif Jamaludin

En. Amin Syakir Zaidi

Pn. Sharifah Noor Sahila Syed Jamal

Pn. Norhazrolfamiza Ghazali

Pn. Siti Kasmah Ab. Latif

En. Norhakim Ali@Hasim

SEKSYEN DIGITAL AKADEMIK

Ts. Najdawati Mohd Fadzil

Pn. Syadza Ezzati Azimi

Gik. Siti Amiza Hassan

Pn. Syakirah Abd Rahman

Pn. Siti Nuradila Mokhtar

En. Syed Abu Bakar Syed Ahmad

SEKSYEN DIGITAL KORPORAT

Ts. En. Mohd Nasri Mat Isa@Mat Saat

Pn. Siti Hajar Wali

Pn. Azziah Nawawi

SEKSYEN DIGITAL SOKONGAN

En. Mohd Hizazy Yusof

En. Mohd Hasri Ahmad Shukeri

SEKSYEN DIGITAL KEWANGAN

Pn. Muniratul Husna Mohamad Sokri

Pn. Ifahana Ishak

Pn. Nurul Ezzah Khamidun

Gik. Norzamira Man

SEKSYEN DIGITAL HAL EHWAL PELAJAR

Pn. Madaliatun-Najah Mahmud

Gik. Kogilaranne Muthusamy

SEKSYEN DIGITAL PEMBELAJARAN BERTERUSAN

Pn. Norismiza Ismail

En. Mohd Afif Md Jamel Khir

En. Noor Azlan Azizan

En. Razaleigh Abd. Rahim

Pn. Shazlinda Nadiyah Suid

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT

Ts. Mohd Fitri Edros

SEKSYEN PUSAT DATA

En. Zairi Zainon

Pn. Nuurul Nur Alisa Rostan

Pn. Anuhsra Mara Daman

En. Razali Ismail

Pn. Nur Farah Hanim Raman

En. Nor Hisyam Hamdah

SEKSYEN RANGKAIAN KAMPUS

En. Mohammad Taufik Saidina Omar

En. Mohd Zhafri Norzalli

En. Mohd Khusairi Adzhari

En. Arzemi Abdul Kadir

En. Mohd Shahril Harun

En. Muhammad Najeeb Karim

En. Mohd Alif Izzudin Mohd Radzi

SEKSYEN KESELAMATAN ICT & TELEKOMUNIKASI

En. Mohamad Afiq Durrani Zabidi

En. Mohammad Helmy Mardin

BAHAGIAN GOVERNAN & PENGURUSAN PERANTI PINTAR

Ts. Farithan Ghazali

SEKSYEN PENGURUSAN PERANTI PINTAR

En. Syaifullah Borhan

En. Mohd Zuril Amnan Mohamad

En. Izdiharuddin Ismail

SEKSYEN PENGURUSAN GOVERNAN

Pn. Ku Nurmadiah Ku Yaacob

Pn. Norhafizah Ariffin

En. Shahrizam Abd Rahim

En. Roshaznan Darus

Pn. Roslinda Fazal Mohamad

Penyelaras
Puan Rohazna Wahab

PEREKA GRAFIK

Pn. Norismiza Ismail

En. Noor Azlan Azizan

KATA ALUAN

Naib Canselor



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur Alhamdulillah, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terus mara sebagai institusi yang relevan dan progresif, selaras dengan aspirasi pendidikan tinggi negara. Dalam era yang didorong oleh kecanggihan teknologi dan inovasi, Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital (DMDC) telah memainkan peranan yang sangat signifikan dalam memperkasakan agenda transformasi digital universiti. Transformasi digital bukan sahaja menjadi pemacu utama kemajuan, malah ia juga menjadi asas kepada daya saing UniMAP di peringkat nasional dan global.

DMDC terus menerajui usaha ini dengan memperkenalkan pelbagai inisiatif yang bukan sahaja meningkatkan keberkesanan operasi universiti tetapi juga memacu kemudahan pembelajaran, penyelidikan, dan pengurusan secara lebih inovatif.

Antara pencapaian penting adalah penumpuan kepada teknologi Kecerdasan Buatan (AI) dalam memperkasakan proses pembuatan kecerdasan (Intelligent Manufacturing). Ini bukan sahaja sejajar dengan keperluan Industri 4.0, tetapi turut membuka peluang kepada pelajar, penyelidik, dan industri untuk meneroka teknologi baharu yang memberikan impak besar kepada ekonomi dan masyarakat.

Selain itu, usaha gigih DMDC dalam memanfaatkan potensi teknologi digital telah menghasilkan sistem-sistem pintar yang menyokong analisis data besar (Big Data Analytics), automasi, dan keupayaan pemantauan masa nyata. Inisiatif-inisiatif ini jelas menunjukkan komitmen universiti terhadap kecemerlangan digital, menjadikan UniMAP sebagai contoh universiti masa depan yang tangkas dan responsif.

Saya yakin dan percaya, melalui kesinambungan usaha dan inovasi ini, UniMAP akan terus melangkah ke hadapan, mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju teknologi digital di Malaysia. Tahnik dan syabas saya ucapkan kepada seluruh warga DMDC atas dedikasi dan komitmen anda.

Akhir kata, saya berharap agar laporan ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang pencapaian yang telah diraih sepanjang tahun ini, di samping mencerminkan potensi besar yang menanti kita di masa hadapan. Mari kita bersama-sama terus menyemarakkan kecemerlangan digital demi manfaat seluruh warga UniMAP dan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Lt. Kol. Dato' Prof. Dr. Zaliman Sauli
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

KATA ALUAN

Pengarah DMDC

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital menyediakan perkhidmatan pembangunan dan penyenggaraan sistem maklumat, analitik data serta pengurusan sistem rangkaian komputer kampus dan capaian Internet Universiti Malaysia Perlis melalui tiga bahagian utama iaitu :

- i. Bahagian Infrastruktur ICT
- ii. Bahagian Pembangunan Digital dan Analitik Data
- iii. Bahagian Governan dan Pengurusan Peranti Pintar

Tahun 2024 DMDC telah mencapai beberapa kemajuan yang signifikan dalam meningkatkan infrastruktur teknologi dan mendukung aspirasi organisasi dan seterusnya memenuhi hasrat Malaysia Madani. DMDC telah mengembangkan dan memperbaharui infrastruktur teknologi, termasuk peningkatan jaringan, penambahbaikan peralatan dan perkakasan yang sudah usang serta meluaskan capaian WiFi di semua kolej kediaman demi keselesaan pelajar. Berbagai aplikasi dan modul baru serta penambahbaikan ketara telah diluncurkan untuk mendukung efisiensi operasi seharian, juga menyahut cabaran digitalisasi masa kini. Walaupun banyak pencapaian yang telah diraih, masih terdapat cabaran yang perlu kita tangani. Antaranya ialah keperluan untuk mempercepatkan lagi transformasi digital, memastikan keselamatan siber yang lebih kukuh, serta meningkatkan kecekapan dan daya saing teknologi dalam organisasi kita.

Bagi meneruskan inisiatif transformasi digital, DMDC telah menggariskan sejumlah projek berasaskan teknologi yang sedang berkembang, seperti pengembangan AI dan analitik data untuk mendukung pengambilan keputusan yang lebih baik. Saya yakin, dengan semangat kerja berpasukan dan komitmen semua pihak, kita mampu mencapai tahap yang lebih tinggi dalam penggunaan teknologi bagi menyokong matlamat organisasi.




Peratus pencapaian prestasi 2024 bagi seksyen-seksyen Bahagian Pembangunan Digital dan Analitik Data ditunjukkan di dalam grafik di bawah.


PENCAPAIAN KESELURUHAN 2024 Bahagian Infrastruktur ICT



PENCAPAIAN KESELURUHAN 2024 Bahagian Pembangunan Digital & Analitik



PENCAPAIAN KESELURUHAN 2024 Bahagian Governan dan Pengurusan Peranti Pintar



Akhir kata, purata pencapaian nilai prestasi tahun 2024 bagi Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital adalah **97.83 %**.

Rohazna Wahab
Pengarah
Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital

PENGENALAN




“Anjakan Strategi Digital First (ASDF) merupakan sebahagian daripada perubahan tumpuan dan strategi kerajaan untuk mengubah pendekatan perkhidmatan kerajaan kepada perkhidmatan keseluruhan kerajaan (Whole of Government – WoG) secara bersepadu bagi memenuhi era GovTech. Pelaksanaan ASDF ini sejajar dengan hasrat Malaysia MADANI untuk meningkatkan ketelusan dan memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif pendigitalan.” YB Menteri Digital.


Bagi menggalas tanggungjawab tersebut, 2 inisiatif pelaksanaan kearah transformasi digital secara total telah digariskan bagi memenuhi KPI utama universiti. Pada tahun 2024, DMDC telah melaksanakan projek-projek yang memberi impak tinggi kepada warga universiti khususnya. Antara projek yang berimpak tinggi ialah penyediaan fasiliti capaian internet secara total untuk kesejahteraan staf dan pelajar dan juga perkhidmatan aplikasi secara online yang boleh diakses oleh semua warga UniMAP bagi memudahkan urusan seharian. Tujuan ini disokong oleh sumber manusia yang berkemahiran di DMDC. Tanpa sokongan padu daripada staf hasrat atau perancangan pada tahun 2024 tentu agak sukar untuk di gapai.

BILANGAN STAF BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT

Pecahan bilangan staf mengikut gred di Bahagian Infrastruktur ICT




Bilangan staf mengikut seksyen di Bahagian Infrastruktur ICT




BILANGAN STAF BAHAGIAN PEMBANGUNAN DIGITAL DAN DATA ANALITIK

Pecahan bilangan staf mengikut gred di Bahagian Pembangunan Digital dan Data Analitik




Pecahan bilangan staf mengikut seksyen di Bahagian Pembangunan Digital dan Data Analitik




BILANGAN STAF BAHAGIAN GOVERNAN DAN PENGURUSAN PERANTI PINTAR

Pecahan bilangan staf mengikut gred di Bahagian Governan dan Pengurusan Peranti Pintar



Pecahan bilangan staf mengikut unit di Bahagian Governan dan Pengurusan Peranti Pintar



PENGURUSAN DMDC



ROHAZNA WAHAB
PENGARAH
1 JUN 2002 - KINI

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (2000)
IJAZAH SARJANA SAINS (TEKNOLOGI MAKLUMAT) (2020)



Ts. MOHD FITRI EDROS
KETUA BAHAGIAN INFRASTRUKTUR
23 JAN 2003 - KINI

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (2002)
IJAZAH SARJANA SAINS (TEKNOLOGI MAKLUMAT) (2011)



Ts. NOR AZIMA BINTI ABU SEMAN
KETUA BAHAGIAN PEMBANGUNAN DIGITAL DAN ANALITIK DATA
1 APRIL 2003 - KINI

IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER
(KEJURUTERAAN PERISIAN)(2002)
IJAZAH SARJANA SAINS TEKNOLOGI MAKLUMAT (2010)



Ts. FARIHAN GHAZALI
KETUA BAHAGIAN GOVERNAN
13 JAN 2003 - KINI

IJAZAH SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT (2002)
IJAZAH SARJANA SAINS (TEKNOLOGI MAKLUMAT) (2009)


SUMBER MANUSIA 2024

PECAHAN JANTINA MENGIKUT BAHAGIAN

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT




BAHAGIAN PEMBANGUNAN DIGITAL DAN DATA ANALITIK



BAHAGIAN GOVERNAN DAN PENGURUSAN PERANTI PINTAR



PECAHAN JANTINA KESELURUHAN



JUMLAH STAF - 58

BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT



BAHAGIAN INFRASTRUKTUR ICT

SEKSYEN PUSAT DATA



Seksyen Pusat Data berfungsi untuk mengurus, menyelenggara, membangun perkara-perkara berkaitan Pusat Data UniMAP. Memantau dan mengurusselia operasi pangkalan data utama bagi memastikan perkhidmatan ICT UniMAP sentiasa beroperasi dengan baik dan memenuhi keperluan organisasi.

Bagi melancarkan proses kerja ini, seksyen perkhidmatan awan dan sistem komputer mempunyai tenaga kerja seramai 6 orang. Seorang Pegawai Teknologi Maklumat (F44), seorang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (FA32), dua (2) orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (FA29) dan dua (2) orang Penolong Jurutera (JA29).

01 PENGGANTIAN PERKAKASAN USANG PUSAT DATA (PERKAKASAN UTAMA)

Pada 2023, DMDC telah merancang untuk melaksanakan perolehan menaiktaraf serta menggantikan perkakasan usang di Pusat Data Pauh Putra bagi mengekalkan operasi pusat data pada tahap optimum. Projek ini menggunakan peruntukan di Rancangan Malaysia Ke-12 Rolling Plan 2 (RP2).



Justifikasi pelaksanaan

01 Teknologi Perkakasan Yang Telah Ketinggalan

- Perkakasan yang ada sekarang tidak dapat dikemaskini kerana telah End-of-Service/ End-of-Life/ End-of-Support menyebabkannya berisiko tinggi jika diteruskan penggunaan.
- Teknologi yang *obsolete* (End-of Service/ End-of-Life) menyebabkan sistem berisiko kerana *patches* tidak dapat dilakukan.

02 Peningkatan Kapasiti

- Pelayan pangkalan data semasa di Pusat Data memerlukan peningkatan kapasiti memori dan storan bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan untuk jangka masa panjang bagi menampung penggunaan pangkalan data sehingga 3 tahun ke hadapan.
- Dalam tempoh 3-5 tahun akan datang, dijangkakan keperluan untuk meningkatkan prestasi pelayan pangkalan data akan berlaku kerana pertambahan pengguna, sistem aplikasi dan simpanan data operasi harian UniMAP menyebabkan perlunya proses naik taraf ini dilakukan dari sekarang.
- Penganugerahan tender ini telah dibuat pada 25 September 2023 dan tempoh projek adalah selama 3 bulan. Kerja-kerja penggantian perkakasan ini telah siap dilaksanakan sepenuhnya pada 31 Januari 2024.

02 PENGGANTIAN PERKAKASAN USANG PUSAT DATA (AGING BATTERY UPS)

Pada 2024, DMDC telah merancang untuk melaksanakan perolehan menaiktaraf serta menggantikan perkakasan usang di Pusat Data Pauh Putra bagi mengekalkan operasi pusat data pada tahap optimum. Projek ini menggunakan peruntukan di Rancangan Malaysia Ke-12 Rolling Plan 4 (RP4).



Justifikasi pelaksanaan

01 Perkakasan Yang Telah Melangkaui Usia Perkhidmatan

- Bateri bagi Uninterruptible Power Supply (UPS) Pusat Data yang ada sekarang telah berusia 9 tahun dan berstatus usang menyebabkannya berisiko tinggi jika diteruskan penggunaan.
- Kadar penyimpanan kuasa pada bateri UPS tersebut telah mengalami kemerosotan akibat usia yang semakin meningkat.
- Penganugerahan sebhutharga ini telah dibuat pada 24 Oktober 2024 dan tempoh projek adalah sehingga 16 minggu. Kerja-kerja penggantian perkakasan ini telah siap lebih awal iaitu pada 18 November 2024.

03 PEMINDAHAN (TRANSISI) LESEN GOOGLE WORKSPACE EDUCATION PLUS(GWFE) DARI PENYEDIA PERKHIDMATAN SEDIA ADA KEPADA KPT

UniMAP mula melanggan sendiri GWFE sejak 28 September 2022 dengan syarikat penyedia perkhidmatan PS Global Sdn. Bhd sehingga 28 September 2024.

Pada tahun 2023, pembaharuan lesen dilakukan semula kerana keperluan penggunaan yang meluas serta kepelbagaian features yang ditawarkan oleh Google Workspace for Education Plus untuk tempoh satu tahun lagi bermula 28 September 2023 sehingga 28 September 2024.

Pada Februari 2024, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah mengambil keputusan untuk melanggan lesen GWFE bagi setiap institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia. Kontrak lesen langganan tersebut dianugerahkan kepada syarikat AwanBiru Technology Berhad (Awantec) bermula 1 Mac 2024 hingga 29 Februari 2028.

Justeru itu, proses transisi lesen GWFE telah berjaya dilakukan sebelum berakhirnya tempoh lesen GWFE UniMAP bersama syarikat PS Global Sdn Bhd pada 28 September 2024 yang lalu dengan membuat pertukaran langganan lesen kepada syarikat Awantec.

Transisi lesen ini telah dilakukan oleh Seksyen Pusat Data bersama dengan wakil syarikat Awantec melalui proses Token Transfer dan telah berjaya dilakukan pada 27 September 2024 iaitu sehari sebelum lesen sedia ada tamat.

Dengan transisi ini, langganan GWFE UniMAP telah diambil alih oleh pihak KPT untuk tempoh 4 tahun sehingga 29 Februari 2028 dengan anggaran penjimatan kos langganan adalah sebanyak RM 152,000 bagi setiap tahun.




Name	Status	License	Payment plan
Android Enterprise	Active	All licenses	Free plan
Google Workspace for Education Fundamentals	Active	All users	Retailer pricing (separate systems info link)
Google Workspace for Education Plus	Active	594 available, 11,491 assigned	Retailer pricing (separate systems info link)
Google Workspace for Education Plus (Dual)	Active	343 available, 2,653 assigned	Retailer pricing (separate systems info link)

04 PENYEDIAAN MONITORING DASHBOARD (GRAFANA) MENGGUNAKAN DNS APPLIANCE (DNS STATISTICS REPORTING)

UniMAP mula menggunakan peralatan Domain Name Server (DNS) berasaskan peranti pada bulan Julai 2021. Peranti tersebut ialah DNSVault yang berfungsi sebagai peranti DNS dalaman dan luaran di UniMAP. Kelebihan penggunaan peranti ini ialah ia mempunyai papan pemuka (dashboard) secara GUI bagi memudahkan pengurusan domain di UniMAP. Sebelum ini Seksyen Pusat Data hanya menguruskan DNS dengan menggunakan perisian sumber terbuka yang diurus menggunakan Command Line Interface (CLI) sahaja.

Pada tahun 2024, Seksyen Pusat Data telah mengembangkan lagi kelebihan yang ada pada peranti DNSVault ini dengan menambah fungsi monitoring dashboard menggunakan platform Grafana iaitu perisian sumber terbuka sebagai alat pemantauan (monitoring) dan visualisasi data. Data dan statistik berkaitan DNS dilapor dan dipapar terus di Grafana dalam bentuk graf bagi memudahkan pemantauan dilakukan oleh staf yang berkaitan.

Selepas integrasi data antara DNSVault dan Grafana, satu dashboard telah diwujudkan bagi tujuan pemantauan statistik DNS seperti Query Per Second (QPS), Top 10 Queried Domain dan Top 10 Client IP utk kedua-dua peranti DNS dalaman dan luaran di UniMAP. Turut ada dalam pemantauan ialah Response Policy Zone (RPZ).



05 PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR MEKANIKAL & ELEKTRIKAL PUSAT DATA (PEMBAHARUAN KONTRAK PENYELENGGARAAN)

Pusat Data UniMAP mempunyai LIMA (5) ruang iaitu :

1. Bilik *Uninterruptible Power Supply* (UPS)
2. Bilik Papan Suis Utama (Main Switch Board)
3. Bilik Telco - menghubungkan rangkaian UniMAP dengan Internet Service Provider dan perkakasan sekuriti internet
4. Bilik Perkakasan Rangkaian – menghubungkan antara semua bangunan yang terdapat di Kampus Pauh Putra
5. Bilik Pelayan - menempatkan semua pelayan sistem aplikasi UniMAP

Ruang-ruang seperti dalam senarai di atas mempunya perkakasan mekanikal dan elektrik tersendiri dan perlu sentiasa diselenggara bagi memastikan tidak berlaku sebarang gangguan perkhidmatan terhadap pusat data. Terdahulu, pada tahun 2020, satu tender pembaharuan penyelenggaraan telah diiklankan dengan tajuk Perkhidmatan Penyelenggaraan Kemudahan Infrastruktur Mekanikal & Elektrikal Serta Perkakasan Berkaitan Untuk Pusat Data ICT, Kampus Pauh Putra, UniMAP pada bulan November 2020. Proses penganugerahan tender ini pada bulan 23 Februari 2021 dan mula kerja pada 1 Mac 2021 untuk selama tiga tahun sehingga 28 Februari 2024.

Tender tersebut telah berakhir satu pembaharuan iklan tender perlu dijalankan bagi membolehkan perkhidmatan penyelenggaraan bagi kemudahan infrastruktur pusat data seperti di atas terus beroperasi.



Uninterruptible Power Supply (UPS)

Jenama : APC

Model : SY96K160H

Lokasi : Bilik UPS

Bilangan Unit : 1

Fungsi : Bertindak sebagai bateri yang memberi kuasa sementara kepada semua perkakasan rangkaian, pelayan, storan di Pusat Data kecuali penghawa dingin.



In-Row Cooling System

Jenama : APC

Model : ACRD 101

Lokasi : Bilik Perkakasan Rangkaian dan Bilik Pelayan

Bilangan Unit : 6

Fungsi : Sistem penyejukan berterusan tanpa henti di Bilik Perkakasan Rangkaian dan Bilik Pelayan



Split Aircond Unit

Jenama : Daikin

Model : 3 HorsePower

Lokasi : Bilik UPS dan Bilik Telco

Bilangan Unit : 4

Fungsi : Sistem penyejukan secara berganti untuk Bilik UPS dan Bilik Telco



Rack and Containment System

Jenama : APC

Model : AR 3100 & AR 3150

Lokasi : Bilik Telco, Bilik Perkakasan Rangkaian & Bilik Pelayan

Bilangan Unit Rack: 17

Bilangan Unit Containment : 2

Fungsi : Meletak perkakasan Pusat Data



Rack Power Distribution Unit (PDU)

Jenama : APC

Model : AP8853

Lokasi : Semua 5 bilik

Bilangan Unit : 34

Fungsi : Punca kuasa dari rack ke perkakasan pusat data



Data Center Monitoring System

Jenama : APC

Model : AP9465

Lokasi : Semua 5 bilik

Berfungsi sebagai peranti pemantauan operasi harian pusat data untuk mengesan haba, suhu, paparan suis utama, ups serta sensor kebocoran dan air.



Sistem Paparan Utama Bilik Operasi Rangkaian

Jenama : AMD Radeon Workstation & LG

Bilangan : 1 Unit Workstation, 6 Unit LCD

Display



Papan Suis Utama

Jenama : APC

Berfungsi sebagai laluan masuk dan edaran bekalan elektrik ke semua bilik di Pusat Data

Kerja-kerja penyelenggaraan semua perkakasan yang disenaraikan di atas memerlukan kepakaran khas dari pihak yang berkelayakan kerana peralatan tersebut adalah peralatan kritikal dan memastikan peralatan mekanikal di Pusat Data yang menempatkan sistem aplikasi dan sambungan rangkaian UniMAP sentiasa di selenggara. Dengan adanya penyelenggaraan ini, sebarang kerosakan perkakasan mekanikal dan elektrik di Pusat Data dapat diperbaiki dengan cepat dan mudah.

Kontrak penyelenggaraan yang diperbaharui ini adalah untuk tempoh 3 tahun bermula 9 September 2024 sehingga 8 September 2027 dengan implikasi kewangan sebanyak RM 802, 440.00.

SEKSYEN RANGKAIAN KAMPUS



Seksyen Rangkaian Kampus berfungsi untuk mengurus, menyelenggara dan membangun perkara-perkara berkaitan perkhidmatan rangkaian dan internet UniMAP:

- Mengurus dan mengawalselia pelaksanaan WAN & LAN (Static) IP Address.
 - i. Memastikan Public IP ISP diuruskan dengan baik mengikut keperluan operasi aplikasi, perkakas rangkaian dan pelayan dalam Pusat Data ICT UniMAP
- Pengurusan infrastruktur rangkaian teragih UniMAP.
 - i. Menerima laporan dan cadangan penambahbaikan bandwidth bagi sistem rangkaian kampus teragih yang didapati perlu dan kritikal
 - ii. Melakukan pengujian akses ke sistem rangkaian UniMAP Kubang Gajah dan Kampus Teragih melalui penggunaan Point To-Point/Streamyx/UniFi yang baru untuk mengesahkan capaian rangkaian tersebut telah berjaya dilaksanakan
- Pengurusan aduan gangguan perkhidmatan rangkaian ICT
- Menyediakan dan melaksanakan pemasangan kerja-kerja ICT (pasif & aktif) bagi projek dibawah seliaan Jabatan Pembangunan di bangunan UniMAP yang berkenaan. Contoh: projek penambahan ruang pejabat
- Bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan rangkaian di seluruh kampus UniMAP
- Menjalankan kajian dan mengawal selia kaedah perolehan ICT (rangkaihan) terkini mengikut keperluan semasa
- Penyediaan perkhidmatan rangkaian (sementara) ICT sempena aktiviti rasmi UniMAP
- Mengurus dan mengawalselia operasi pemantauan sistem rangkaian teragih dan internet UniMAP


01 PELANJUTAN PERKHIDMATAN 'METRO ETHERNET' BAGI SAMBUNGAN RANGKAIAN POINT-TO-POINT KAMPUS UNICITI KE PUSAT DATA

Perkhidmatan 'Metro Ethernet' ini beroperasi secara kontrak langganan daripada Telekom Malaysia (TM) Technology Services Sdn Bhd selama 1 tahun bermula 28hb April 2024 hingga 27hb April 2025. Teknologi rangkaian ini bertujuan untuk menghubungkan sistem rangkaian kampus UniCiti ke Pusat Data Pauh Putra. Kelajuan talian 'Metro Ethernet' yang dilanggan adalah 1000 Mbps, berserta kontrak penyelenggaraan & jaminan router. Kontrak langganan perkhidmatan ini mula beroperasi sejak 28hb April 2023.



02 PELANJUTAN PERKHIDMATAN INTERNET BERKELAJUAN 10GBPS DAN POINT TO POINT BERKELAJUAN 1GBPS DI UNIMAP

Perkhidmatan internet ini adalah untuk mewujudkan capaian internet khas di Pusat Data UniMAP berkelajuan 10Gbps dimana ia boleh dinikmati oleh semua pelajar dan staf di semua kampus UniMAP dalam negeri Perlis. Perkhidmatan 'Point To Point' pula adalah untuk menyambungkan rangkaian kampus Kubang Gajah ke Pusat Data melalui kabel fiber optik berkelajuan 1Gbps. Perkhidmatan ini mula beroperasi sejak 1hb Julai 2022 dan tamat pada 9hb Mei 2024, dan telah dilanjutkan kepada 10hb Mei 2025



03 PERKHIDMATAN AS NUMBER APNIC UNTUK IP ADDRESS UNIMAP

APNIC - Asia Pacific Network Information Center (<https://www.apnic.net/>) yang berpusat di Brisbane, Queensland, Australia adalah agensi antarabangsa bertindak sebagai Pendaftar Internet (Internet Registry) yang mengawal, menyelaras dan menyediakan perkhidmatan AS Number dan Public IP Address kepada semua organisasi yang menggunakan perkhidmatan Internet. Pihak APNIC telah menetapkan AS Number bagi UniMAP adalah 133169 dengan Blok IP address sebanyak 512 hosts (prefix /23 atau 255.255.254.0).

UniMAP memerlukan AS Number kerana mempunyai dua capaian Internet Service Provider (ISP) yang berbeza. Pihak ISP memerlukan AS Number khas bagi membolehkan dua talian internet tersebut boleh beroperasi melalui router UniMAP.



04 MENANGGAL PERKAKASAN DAN AKSESORI WIRELESS BRIDGE DI MENARA KUBANG GAJAH, DRAGON & PHOENIX, TAMAN MUHIBBAH, FPK JEJAWI DAN PLK

Pada 19 Ogos 2016, Pusat ICT UniMAP telah berjaya menyiapkan projek pemasangan Wireless-Bridge yang menyambungkan rangkaian pejabat UniMAP di KWSP Kangar, Pengkalan Jaya, Bendahari Kangar, Seriab, dan Wang Ulu. Perkakas wireless-bridge ini beroperasi di atas pole (tiang komunikasi) yang di pasang di aras atas (roof-top) setiap bangunan yang terpilih. Pada tahun 2020, operasi wireless-bridge ini telah ditamatkan perkhidmatan kerana telah tamat tempoh pengeluaran (EoL) dan tiada warranty serta tiada penyelenggaraan. Bagi mengelakkan berlakunya kejadian tidak diingini seperti tiang pole patah dan terjatuh ke jalan-raya yang boleh mengakibatkan kemalangan, pihak DMDC telah menerima nasihat daripada pihak Jabatan Pembangunan UniMAP dimana semua perkakasan wireless-bridge termasuk tiang komunikasi (pole) di 5 lokasi berkenaan perlu ditanggalkan dengan segera. Kerja-kerja menanggalkan peralatan yang berkenaan telah berjaya diselesaikan pada 5hb Jun 2024 dalam tempoh sebulan, dengan kos RM15,000.00.



System Status - Slave			
Parameter	Value	Status	Warning
IP Address	192.168.1.10	OK	Warning: Link Down
MAC Address	88:63:83:12:34:56	OK	Warning: Link Down
Subnet Mask	255.255.255.0	OK	Warning: Link Down
Gateway	192.168.1.1	OK	Warning: Link Down
SSID	UniMAP-1	OK	Warning: Link Down
Power	100%	OK	Warning: Link Down
Temperature	45°C	OK	Warning: Link Down
Humidity	50%	OK	Warning: Link Down
Signal Strength	-70 dBm	OK	Warning: Link Down
Link Quality	95%	OK	Warning: Link Down
Uptime	100 days	OK	Warning: Link Down
Version	4.0.0	OK	Warning: Link Down
Serial Number	123456789	OK	Warning: Link Down
Manufacturer	Cambium Networks	OK	Warning: Link Down
Model	MPX-3000	OK	Warning: Link Down
Part Number	123456789	OK	Warning: Link Down
Warranty	3 years	OK	Warning: Link Down
Support	24/7	OK	Warning: Link Down



05 PERLUASAN PERKHIDMATAN WIFI DI KOMPLEKS PERUMAHAN PELAJAR KAMPUS TERAGIH

Pada 2023, DMDC telah merancang untuk melaksanakan perolehan meluaskan perkhidmatan WiFi ke Kolej Kediaman yang dikenalpasti bagi meningkatkan liputan signal WiFi ke tahap full-bar hingga ke dalam bilik pelajar. Projek ini menggunakan peruntukan di Rancangan Malaysia Ke-12 Rolling Plan 2 (RP2). Justifikasi kepada pelaksanaan projek ini adalah disebabkan oleh:


- 1)Menggantikan peranti rangkaian tanpa wayar yang telah rosak atau usang bagi membolehkan capaian rangkaian dapat dinikmati di tahap maksimum.
- 2)Capaian rangkaian tanpa wayar ini dapat membantu memantapkan lagi sistem pembelajaran di UniMAP, ini adalah kerana semua sistem pembelajaran di Malaysia masa kini memerlukan capaian rangkaian WiFi untuk memudahkan lagi maklumat disampaikan.

Penganugerahan tender ini telah dibuat pada 25 September 2023 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Januari 2024. Perkhidmatan WiFi ini mempunyai tempoh penyelenggaraan dan jaminan perkakas selama 3 tahun iaitu bermula 1hb Feb 2024 hingga 2027 dimana tempoh penyelenggaraan adalah selama dua kali setahun.



06 PERLUASAN PERKHIDMATAN WIFI DI KOLEJ KEDIAMAN TUANKU TENGKU FAUZIAH (PFI2) SEMPERNA MRF-KPT

Capaian rangkaian & internet di Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah (KKTF) PFI-2 adalah menggunakan WiFi sepenuhnya sejak tahun 2015. Sebanyak 434 Access Point (AP) WiFi dan 13 Access Switch yang beroperasi di 12 blok asrama telah berstatus usang dan telah digantikan dengan yang baru oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh KPT. Projek penggantian sistem WiFi ini telah berlangsung sejak 20hb Mei 2024 dan siap sepenuhnya pada 15hb Oktober 2024.



SEKSYEN KESELAMATAN ICT DAN TELEKOMUNIKASI



Seksyen Keselamatan Rangkaian dan Telekomunikasi berfungsi untuk mengurus, menyelenggara, membangun perkara-perkara berkaitan sekuriti rangkaian dan telekomunikasi UniMAP:

- Mengurus Dan Mengawalselia Perkakasan Sekuriti di UniMAP.
 - Memastikan rangkaian UniMAP berada dalam keadaan yang selamat dan terhindar dari segala ancaman dan serangan.
 - Membuat polisi di firewall bagi memastikan tiada ancaman yang akan berlaku kepada sistem dan pelayan di UniMAP.
 - Memantau trafik rangkaian yang keluar masuk di UniMAP dan membuat analisa berkenaan keselamatan trafik tersebut.
 - Membuat sekatan terhadap aplikasi yang meragukan dan boleh menyebabkan ancaman kepada sistem dan pengguna di UniMAP.
 - Menukar Private IP Address kepada Public IP Address untuk memastikan tiada serangan terus kepada pelayan dan sistem.
 - DDos Attack dan sebagainya dapat dihalang dengan menggunakan Intrusion Prevention System (IPS).
 - Menganalisa rangkaian trafik ke dalam pelayan dengan menggunakan Web Application Firewall (WAF).
- Pengurusan Sistem Telekomunikasi di UniMAP.
 - Menerima laporan dan membuat pembaikan terhadap aduan telekomunikasi di UniMAP. Contohnya seperti panggilan keluar masuk gagal dilakukan dan telefon gagal berfungsi.
 - Mengurus dan mengawalselia Call Manager di UniMAP. Call Manager ini berfungsi sebagai pusat pentadbiran untuk telefon VOIP (IP Phone).
 - Menerima permintaan baru dari Jabatan Pendaftar untuk melakukan penambahan talian telefon di Jabatan yang berkaitan serta melakukan pemindahan talian telefon / telefon dari lokasi lama ke lokasi baru.
 - Pengurusan Aduan Gangguan Perkhidmatan Telekomunikasi di UniMAP.
- Menyediakan dan melaksanakan pemasangan kerja-kerja ICT berkenaan telekomunikasi bagi projek di bawah seliaan Jabatan Pembangunan dan bangunan UniMAP yang berkenaan. Contoh: projek penambahan talian telefon dan mesin faks.
 - Bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan perkakasan telekomunikasi dan sekuriti di seluruh kampus UniMAP.
 - Menjalankan kajian dan mengawal selia kaedah perolehan ICT (Telekomunikasi dan Sekuriti Rangkaian) terkini mengikut keperluan semasa
 - Membantu Penyediaan Perkhidmatan Rangkaian (sementara) ICT Sempena Aktiviti Rasmi UniMAP.

01 PERKHIDMATAN LANGGANAN SEWAAN PERALATAN RANGKAIAN KESELAMATAN NETWORK FIREWALL SECARA SEWA GUNA

Firewall yang berteknologi tinggi diperlukan untuk menghalang jenayah siber ini dari terus masuk ke dalam rangkaian di UniMAP. Firewall yang diperolehi melalui sewaan ini dapat mengenalpasti pelbagai jenis serangan sekuriti siber dan menyekat serangan tersebut dari terus masuk ke dalam rangkaian UniMAP.

Firewall ini juga berkebolehan untuk mengenalpasti semua aplikasi yang dilayari oleh warga di UniMAP contohnya adalah seperti P2P, Proxy, dan sebagainya. Ini dapat menyekat sebarang aplikasi yang meragukan dan boleh memudaratkan pengguna di UniMAP.

UniMAP telah menyambung langganan sewaan firewall ini yang sepatutnya tamat pada Oktober 2024 kepada Julai 2026. Lanjutan sewaan langganan ini adalah selama 1 tahun 9 bulan.



02 PERKHIDMATAN WEB APPLICATION FIREWALL (WAF) SEBAGAI PERLINDUNGAN KESELAMATAN APLIKASI WEB




Web Application Firewall ini berfungsi sebagai kawalan sekuriti utama untuk sistem dan aplikasi di UniMAP. WAF ini berada dihadapan sistem dan aplikasi dan berfungsi sebagai pintu keluar masuk ke dalam sistem dan aplikasi di UniMAP. WAF akan menganalisis setiap trafik yang keluar masuk ke sistem untuk tujuan mencari aktiviti yang meragukan kemudian akan membuat halangan kepada setiap aktiviti yang meragukan.

Perolehan perkakasan ini adalah termasuk sekali di dalam projek penggantian perkakasan usang Pusat Data. Perolehan perkakasan ini telah siap sepenuhnya pada 31 Januari 2024.

03 PERLAKSANAAN VULNERABILITY SCANNING UNTUK SISTEM MAKLUMAT UTAMA UNIVERSITI

Tujuan vulnerability testing ini dilakukan adalah untuk mencari loophole atau kelemahan keselamatan terhadap coding sistem dan aplikasi itu sendiri. Vulnerability testing ini berupaya untuk mengenalpasti dimanakah loophole itu dan seterusnya dapat dibaiki oleh pembuat sistem yang terlibat. Dengan cara ini, peluang untuk sistem atau aplikasi itu digodam atau diserang adalah sangat rendah.

Laporan Vulnerability Testing ini juga diguna pakai semasa sesi Audit ISMS dan Audit Sirim. Laporan ini mampu membuktikan sejauh mana sistem atau aplikasi di UniMAP ini mampu menghalang serangan daripada hacker atau orang yang tidak bertanggungjawab daripada mencuri data atau mengubah coding di dalam sistem atau aplikasi.



04 PENYELENGGARAAN TAHUNAN CALL MANAGER CISCO DAN WEVO UNTUK SISTEM TELEKOMUNIKASI VOIP

UniMAP juga mempunyai sistem telekomunikasi yang canggih dan hebat. Sistem telekomunikasi ini dapat memudahkan lagi kerja harian dilakukan. Contohnya adalah pelajar dapat menghubungi kaunter kaunter yang berkenaan untuk menyelesaikan sebarang isu dan keraguan. UniMAP mempunyai sistem telefon analog dan sistem telefon digital yang dipanggil Voice Over IP (VoIP). VoIP ini menggunakan telefon yang disambung ke rangkaian UniMAP dan membolehkan panggilan dua hala dilakukan secara percuma antara panggilan di dalam kampus. Ini akan dapat memudahkan serta membuat penjimatan kerana tidak perlu membayar bil yang tinggi kepada pihak Telekom Malaysia.

Untuk menghidupkan sistem telekomunikasi di UniMAP, call manager diperlukan untuk menghidupkan semua telefon VOIP di UniMAP. Call manager ini berfungsi sebagai jantung kepada semua telefon VOIP di UniMAP. Di UniMAP terdapat dua jenis call manager, yang pertama adalah Cisco BE6000H dan Wevo PBX. Call manager Cisco BE6000H digunakan oleh semua telefon VOIP jenis Cisco, manakala Wevo PBX digunakan oleh telefon VOIP selain daripada jenis Cisco. Perolehan penyelenggaraan call manager ini bermula Disember 2024 sehingga Disember 2025.



05 PEMBAHARUAN LANGGANAN TAHUNAN PERISIAN ANTIVIRUS BAGI PUSAT DATA DAN PUSAT PEMULIHAN BENCANA

Antivirus adalah satu perisian yang mampu melindungi perkakasan daripada dijangkiti malware dan virus. Oleh itu setiap server wajib mempunyai antivirus untuk mengelakkan daripada terkena jangkitan.

Perolehan antivirus ini adalah untuk melindungi setiap pelayan yang berada di dalam Pusat Data serta Pusat Pemulihan Bencana. Perolehan ini bermula November 2024 sehingga November 2025.



06 PEROLEHAN IP PHONE ADAPTER CISCO UNTUK PENYESUAIAN IP PHONE DI LOKASI TIADA POE (POWER OVER ETHERNET)

Sistem telekomunikasi VOIP adalah merupakan sistem telekomunikasi yang terkini diguna pakai di Universiti Malaysia Perlis. Terdapat beberapa lokasi di UniMAP yang masih menggunakan talian telefon jenis analog yang akan ditamatkan perkhidmatannya oleh Telekom Malaysia di atas sebab terlalu usang. Oleh itu, pemasangan telefon VOIP di lokasi yang terlibat memerlukan power adapter untuk setiap telefon VOIP yang akan dipasang di atas sebab tiada switch POE (Power Over Ethernet).

Telefon yang akan dipasang terlokasi yang terlibat adalah lebih telefon di Bangunan Canselori. Oleh kerana di Bangunan Canselori mempunyai switch POE, telefon yang datang tidak dibekalkan sekali dengan power adapter. Untuk memastikan telefon VOIP tersebut boleh hidup dan berfungsi ditempat selain Bangunan Canselori, perolehan power adapter amat diperlukan. Perolehan power adapter Cisco ini telah berjalan dilaksanakan pada Mei 2024.



Perincian Kemajuan Bahagian Infrastruktur

Bil	Perkara	Status	Seksyen	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tamat Kontrak
1	Penggantian Perkakasan Usang Pusat Data	100%	Pusat Data	1/10/2023	31/1/2024	31/1/2026
2	Penggantian Perkakasan Usang Pusat Data (Aging Battery UPS)	100%	Pusat Data	28/10/2024	18/11/2024	16/2/2027
3	Pemindahan (Transisi) Lesen Google Workspace Education Plus (GWFE) dari Penyedia Perkhidmatan sedia ada kepada KPT	100%	Pusat Data	1/3/2024	28/9/2024	29/2/2028
4	Penyediaan Monitoring Dashboard (Grafana) menggunakan DNS appliance (DNS Statistics Reporting)	100%	Pusat Data	13/7/2024	13/9/2024	13/7/2025
5	Penyelenggaraan Infrastruktur Mekanikal & Elektrikal Pusat Data (Pembaharuan Kontrak Penyelenggaraan)	100%	Pusat Data	2/9/2024	1/9/2027	1/9/2027
6	Pelanjutan Perkhidmatan 'Metro Ethernet' Bagi Sambungan Rangkaian Point-To-Point Kampus UniCiti Ke Pusat Data.	100%	Rangkaian Kampus	28/4/2024	27/4/2025	27/4/2025
7	Pelanjutan Perkhidmatan Internet Berkelajuan 10Gbps dan Point to Point Berkelajuan 1Gbps Di UniMAP	100%	Rangkaian Kampus	10/5/2024	9/5/2025	9/5/2025
8	Perkhidmatan AS Number APNIC untuk IP Address UniMAP (setahun: 29 Feb 2024 to 28 Feb 2025)	100%	Rangkaian Kampus	8/12/2023	2/1/2024	28/2/2025
9	Menanggal perkakasan dan aksesori Wireles Bridge di Menara Kubang Gajah, Dragon&Phoenix,Taman Muhibbah, FPK Jejawi dan PLK.	100%	Rangkaian Kampus	5/5/2024	5/6/2024	-
10	Perluasan Perkhidmatan WiFi di Kompleks Perumahan Pelajar Kampus Teragih	100%	Rangkaian Kampus	1/10/2023	23/1/2024	23/1/2026
11	Perluasan Perkhidmatan WiFi di Kolej Kediaman Tuanku Tengku Fauziah (PFI2) Sempena MRF-KPT (dengan jaminan pembekal & penyelenggaraan setahun)	100%	Rangkaian Kampus	20/5/2024	15/11/2024	15/11/2025

Bil	Perkara	Status	Seksyen	Tarikh Mula	Tarikh Siap	Tamat Kontrak
12	Perkhidmatan Langganan Sewaan Peralatan Rangkaian Keselamatan Network Firewall Secara Sewa Guna	100%	Keselamatan ICT dan Telekomunikasi	1/10/2024	1/10/2024	30/6/2026
13	Perkhidmatan Web Application Firewall (WAF) Sebagai Perlindungan Keselamatan Aplikasi Web	100%	Keselamatan ICT dan Telekomunikasi	1/10/2023	31/1/2024	31/1/2026
14	Perlaksanaan Vulnerability Scanning untuk Sistem Maklumat Utama Universiti	100%	Keselamatan ICT dan Telekomunikasi	3/11/2024	4/11/2024	-
15	Penyelenggaraan Tahunan Call Manager Cisco Dan Wevo Untuk Sistem Telekomunikasi VoIP	100%	Keselamatan ICT dan Telekomunikasi	5/12/2024	5/12/2024	5/12/2025
16	Pembaharuan Langganan Tahunan Perisian Antivirus Bagi Pusat Data	100%	Keselamatan ICT dan Telekomunikasi	27/8/2024	5/10/2024	22/11/2025
17	Perolehan IP Phone Adapter Cisco Untuk Penyesuaian IP Phone di lokasi tiada PoE (Power over Ethernet)	100%	Keselamatan ICT dan Telekomunikasi	25/3/2024	12/4/2024	-

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DIGITAL & ANALITIK DATA




BAHAGIAN PEMBANGUNAN DIGITAL DAN ANALITIK DATA


SEKSYEN DIGITAL KEWANGAN




Seksyen Digital Kewangan berperanan membangun dan menyelenggara sistem serta menyediakan keperluan data kewangan universiti bagi keperluan Jabatan Bendahari dan juga universiti. Bagi tahun 2024, Seksyen Digital Kewangan telah menetapkan beberapa sasaran yang perlu dicapai. Antaranya adalah Pembangunan Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan dan memantapkan penggunaan portal tanpa tunai (Portal Cashless Payment) sebagai platform tunggal bagi pembayaran di universiti.



Pencapaian Unit Aplikasi Cashless Tahun 2024



Pencapaian Unit Aplikasi Kewangan Tahun 2024



Pencapaian Seksyen Digital Kewangan Tahun 2024

01 SISTEM PENGURUSAN KEWANGAN DAN PERAKAUNAN UNIVERSITI (IUS-KEWANGAN)

Sistem Kewangan UniMAP dibangunkan pada tahun 2004 dan telah melalui beberapa fasa penambahbaikan dari Fasa 1 (2004), Fasa 2 (2014): Integrasi dengan sistem-sistem utama universiti, Fasa 3 (2017): Penambahan modul GST dan yang terkini adalah Fasa 4 (2022): Naik Taraf Perisian Oracle Forms & Reports.

Objektif Sistem IUS-Kewangan dibangunkan adalah:

- Mengawal dan menguruskan semua urusan kewangan universiti.
- Memudahkan dan mempercepatkan proses pentadbiran kewangan.
- Memberi maklumat pengurusan kewangan dan kos yang lengkap, cepat dan tepat.
- Mewujudkan sistem kawalan dalaman yang berkesan.
- Mengintegrasikan maklumat kewangan dan mewujudkan pangkalan data gunasama.

Modul-modul yang terdapat di dalam Sistem IUS-Kewangan adalah seperti berikut:

- Lejar Am
- Belanjawan
- Akaun Belum Bayar
- Akaun Belum Terima
- Pengurusan Tunai
- Aset Tetap
- Perolehan
- Akaun Pelajar
- Emolumen
- Good and Service Tax (GST)
- Pentadbiran Sistem
- Laporan Eksekutif



IUS Financial

FINANCIAL	SYSTEM ADMIN
<ul style="list-style-type: none">● Finance● Cost Center● EIS	<ul style="list-style-type: none">● User, Group and Role

Jabatan Dendaftar, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
Arau 2, Canselor Tuanku Syed Ruzaidin, Kuangsu Alam UniMAP Arau Perlis,
02600 Arau, Perlis.

02 SISTEM APLIKASI PERAKAUNAN DAN KEWANGAN UNIVERSITI (UniFAST)

Sistem ini mula dibangunkan pada Jun 2023 dengan penglibatan pembekal dan sistem ini masih lagi dalam fasa pembangunan. Sistem ini dibangunkan bagi menggantikan Sistem Kewangan sedia ada yang memerlukan banyak penambahbaikan bagi memenuhi keperluan dan perubahan proses kerja kewangan semasa. Sistem baharu ini dibangunkan dengan penelitan keperluan yang menyeluruh dan juga mengambilkira kriteria-kriteria kepatuhan piawaian SAGA.

Sistem yang dibangunkan ini melibatkan 18 modul iaitu:

1. Lejer Am
2. Pentadbiran Sistem
3. Bajet
4. Cukai
5. Pengkosa Projek
6. Akaun Pembayaran
7. Akaun Terimaan
8. Pengurusan Tunai
9. Pelaburan
10. Aset & Inventori
11. Kawalan Kredit, Subsidiari & Deposit
12. Pengurusan Stor
13. Akaun Pelajar
14. Pengurusan Pinjaman
15. Maklumat Eksekutif
16. Gaji
17. Perolehan
18. Jejak Audit

Berikut adalah gerak kerja dan fasa-fasa yang telah dilaksanakan bagi projek ini:

- Mengenalpasti dan mendapatkan keperluan pengguna dan sistem.
- Menganalisa keperluan pengguna dan sistem.
- Melaksanakan pengstrukturkan pangkalan data dan migrasi data.
- Mereka bentuk antaramuka sistem.
- Pembangunan aturcara sistem.
- Pembangunan REST API UniFAST dan Sistem Sokongan.
- Melaksanakan pengujian pembangunan sistem.
- Melaksanakan sesi Train of Trainer kepada staf Jabatan Bendahari dan Seksyen Digital Kewangan, DMDC.

Aktiviti-aktiviti sepanjang projek UniFAST berlangsung



Sesi Perbincangan Pendapatan Keperluan Pengguna/Sistem



Mesyuarat Pemantauan Projek UniFAST



Sesi Perkongsian Teknologi Pembangunan REST API



Sesi Semakan Integration Sistem Sokongan



Mesyuarat Kemajuan Projek UniFAST



Sesi Train of Trainer

03 SISTEM PENGURUSAN SEWAAN UNIVERSITI

Sistem ini mula dibangunkan pada tahun 2022 dan diberikan nafas baru dengan pembangunan template baru pada tahun 2024. Sistem ini dibangunkan untuk Jabatan Pembangunan bagi mengurus dan memantau rekod sewaan bangunan dan rumah kedai oleh universiti. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: <https://sewa.unimap.edu.my>.



Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Kewangan


Bil	Projek	Pemilik	Status
SDKe-k1	Projek Sistem Aplikasi Perakaunan dan Kewangan Baharu Patuh SAGA: Pembangunan sistem	Jabatan Bendahari	60%
SDKe-k2	IUS-Kewangan: Penyelesaian PCR melibatkan kemaskini data dan tambahbaik sistem	Jabatan Bendahari	90%
SDKe-k3	IUS-Kewangan: User Admin / Set up/ User Authorise	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k4	Portal Pelajar PraSiswazah (OSI) – Modul Kewangan : Penyelenggaraan dan Penambahbaikan.	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k5	Portal Pelajar PascaSiswazah (OPI) – Modul Kewangan : Penyelenggaraan dan Penambahbaikan.	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k6	Sistem Konvokesyen (eCONVO) – Modul Kewangan : Penyelenggaraan dan Penambahbaikan.	Jabatan Bendahari	100%

Bil	Projek	Pemilik	Status
SDKe-k7	UniSIS - Slip Gaji dan Borang EC: Penyelenggaraan dan Penambahbaikan	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k8	Sistem Sewaan: Pembangunan sistem	Jabatan Pembangunan	100%
SDKe-k9	Portal Pelajar PraSiswazah (OSI) – Modul Kewangan : Pembangunan REST API	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k10	Portal Pelajar PascaSiswazah (OPI) – Modul Kewangan : Pembangunan REST API	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k11	Sistem Konvokesyen (eCONVO) – Modul Kewangan : Pembangunan REST API	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k12	UniSIS - Slip Gaji dan Borang EC: Pembangunan REST API	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-k13	IUSHRM - UniFAST : Pembangunan REST API	Jabatan Bendahari	100%

UNIT APLIKASI CASHLESS

04 PORTAL CASHLESS PAYMENT (URPAY)

Sistem ini dibangunkan pada tahun 2020 dan mula digunakan pada tahun 2022. URPay yang diberi nafas baru dengan penjenamaan semula pada tahun 2024 dari nama ePay ke URPay untuk versi keduanya. URPay dibangunkan sebagai salah satu platform pembayaran tanpa tunai kepada pelajar, staf, pembekal, dan pengguna awam UniMAP. Antara modul yang terdapat di dalam sistem ini adalah Modul Pelajar, Modul Bakal Pelajar, Modul Staf, Modul Admin dan Modul General Payment. Sistem ini membenarkan pengguna untuk membuat bayaran samada secara FPX atau Debit/Kredit Kad. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: <https://urpay.unimap.edu.my>.



05 SISTEM PENGURUSAN PENJANAAN PENDAPATAN (UNIJANA)

Sistem ini dibangunkan pada tahun 2021 dan mula digunakan pada tahun 2022. UnijANA dibangunkan bagi memenuhi keperluan pengurusan dan pentadbiran tabung penajaan universiti di Bahagian Perniagaan Strategik, Jabatan Bendahari. Sistem ini menyediakan kemudahan permohonan projek penajaan baru dan mengwujudkan kod tabung penajaan. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: <https://jana.unimap.edu.my>.



06 LAMAN WEB PENGURUSAN PENDANAAN PENDAPATAN (UNIDANA)

Laman sesawang ini mula dibangunkan pada tahun 2023. Laman ini menyediakan maklumat-maklumat pendanaan dari hasil sumbangan wakaf dan endowmen. Melalui laman ini, akan dikembangkan kepada penyediaan saluran atas talian bagi sumbangan kepada wakaf dan endowmen. Sistem ini boleh dilayari menggunakan url berikut: <https://mywakaf.unimap.edu.my>




Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Cashless

Bil	Projek	Pemilik	Status
SDKe-c1	URPay: Pembangunan REST API	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-c2	URPay: Integrasi dengan eVendor	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-c3	UniSIS – Modul Potongan Gaji Waqaf & Endowment: Penambahbaikan	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-c4	URPay – Modul Potongan Gaji Waqaf & Endowment: Penambahbaikan	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-c5	URPay: Pembangunan Integrasi Bayaran Parcel	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-c6	UnijANA: Pembangunan versi baru dengan template baru.	Jabatan Bendahari	100%
SDKe-c7	UnijANA: Pembangunan Fasa 3 – Penutupan Tabung	Jabatan Bendahari	100%

SEKSYEN DIGITAL AKADEMIK




Seksyen Digital Akademik berfungsi untuk merancang, mengurus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan Aplikasi Digital Akademik Universiti. Selain itu sekseyen ini juga bertanggungjawab dalam penyediaan dan penghantaran data ke agensi luar seperti UPU dan pihak Bank. Selain itu juga Seksyen Digital Akademik bertanggungjawab dalam penyediaan dan pengesahan sumber data untuk data MyMohes, Tracer Study dan Data Kad Bank Pelajar. Seksyen ini turut bertanggung jawab untuk mengurus pelaksanaan Audit ISMS (SIRIM). Seterusnya sekseyen ini terlibat dalam pengurusan persediaan teknikal sempena aktiviti universiti sepanjang tahun.



Pencapaian Unit Aplikasi Prasiswazah Tahun 2024



Pencapaian Unit Aplikasi Pascasiswazah Tahun 2024



Pencapaian Seksyen Digital Akademik Tahun 2024

01 URDIGITAL MOBILE APPS - MODUL PELAJAR PRASISWAZAH VERSI 1.0

URDigital Mobile Apps - Modul Pelajar Prasiswazah Versi 1.0 merupakan gerbang maklumat sepusat secara mudah alih kepada pelajar prasiswazah yang merangkumi maklumat Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan berita kampus. Aplikasi mudah alih ini membantu dalam pengurusan seharian pelajar di universiti.



02 ACADEMIC MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (AMIS)

Academic Management Information System (AMIS) merupakan sistem untuk menguruskan maklumat berkaitan pelajar pra-siswazah merangkumi semua proses kerja dalam pengurusan akademik dari merekod maklumat pelajar sehinggalah ke penganugerahan diploma atau ijazah. Sistem ini menyediakan kemudahan pengurusan maklumat pelajar secara online yang sistematik kepada pensyarah, pelajar serta pentadbir.



Sistem AMIS mempunyai modul-modul berikut:

- Security – Pengurusan Keselamatan Pengguna
- Admission – Pengurusan Kemasukan/Pendaftaran Diri
- Staff – Pengurusan Maklumat Staf / Penasihat Akademik
- Student Profile - Maklumat Diri dan Asrama
- Program Management - Pengurusan Program Pengajian/Semester/Kursus
- Registration – Pengurusan Pendaftaran Kursus dan Semester Pelajar
- Unit Exemption – Pengurusan Pengecualian Kredit Pelajar
- Examination – Pengurusan Peperiksaan
- Graduation & Convocation – Pengurusan Pengijazahan & Konvokesyen

03 SISTEM PEMULANGAN PAKAIAN KONVOKESYEN (RETURN ROBE)

Sistem Pemulangan Pakaian Konvokesyen merupakan platform kepada graduan prasiswazah, pascasiswazah dan pengajian lanjutan menyemak dan mengesahkan maklumat pemulangan pakaian konvokesyen mereka dengan hanya satu klik pada Mobile Return Robe.



04 ONLINE STUDENT INFORMATION (OSI)

Online Student Information (OSI) merupakan one-stop information platform kepada pelajar prasiswazah. Sistem ini membolehkan pelajar mengakses pelbagai maklumat berkaitan pelajar. Beberapa perkhidmatan pengurusan juga disediakan secara atas talian melalui sistem OSI seperti borang berkaitan hal ehwal akademik, hal ehwal pelajar dan permohonan kolej kediaman pelajar.

- Berikut merupakan modul-modul yang terdapat di dalam Sistem OSI:
- Personal Information – Pengurusan mengemaskini maklumat peribadi diri pelajar, paparan slip pendaftaran diri dan maklumat kewangan pelajar berkaitan yuran.
- Semester Registration –Paparasi maklumat pendaftaran semester pelajar.
- Course Registration –Pautan ke modul pendaftaran kursus dan paparan maklumat pendaftaran kursus.
- Examination – Paparan keputusan peperiksaan dan slip peperiksaan
- Hostel – Pengurusan permohonan kolej kediaman pelajar dan aduan pelajar.
- Student Affairs – Pengurusan berkaitan hal ehwal pelajar
- Online Forms - Pengurusan borang hal ehwal akademik pelajar.
- Others – Pautan maklumat-maklumat lain yang berkaitan pelajar.
- Virtual Matric Card – Paparan kad matrik pelajar secara maya



05 SISTEM MAKLUMAT KONVOKESYEN (ECONVO)

Sistem Maklumat Konvokesyen (eCONVO) merupakan “one-stop information” platform kepada graduan prasiswazah, pascasiswazah dan professional. Sistem ini membolehkan graduan mengakses pelbagai maklumat berkaitan pengijazahan dan konvokesyen bagi tahun semasa. Berikut adalah modul-modul yang terdapat di dalam eConvo.

- Main – Paparan Senarai Semak ke Majlis Konvokesyen
- Profile – Paparan Pengemaskinian Maklumat Graduan.
- Graduation – Pautan ke Fungsi Paparan Surat Tamat Pengajian, Permohonan Transkrip Sementara, Paparan Surat Pengesahan Kelas Pertama dan Semakan Pengijazahan.
- Convocation – Pautan ke Paparan Surat Jemputan Majlis Konvokesyen, Paparan Bil Konvokesyen, Paparan Pengesahan Kehadiran, Paparan Slip Pengesahan Kehadiran, Paparan Cetakan Sticker Kenderaan Mengikut Sidang, Paparan Pilihan Size Pakaian Konvokesyen, Paparan Permohonan Wakil Pengambilan Pakaian Konvokesyen dan Paparan Semakan Sebutan Nama Graduan.



06 SISTEM PENDAFTARAN KURSUS (ONLINE COURSE REGISTRATION)

Sistem Pendaftaran Kursus merupakan platform kepada pelajar prasiswazah untuk menambah dan menggugurkan kursus semasa tempoh pendaftaran yang telah ditetapkan oleh Pusat Pengurusan Akademik. Pelajar boleh menyemak serta mencetak senarai kursus yang telah didaftarkan di samping memuat naik dokumen yang diperlukan oleh kursus-kursus yang terlibat dengan pra-syarat semakan semasa tempoh pendaftaran kursus.



07 SISTEM MAKLUMAT PENILAIAN PROGRAM (EPO)

Sistem Maklumat Penilaian Program (ePO) merupakan sistem untuk menilai keberhasilan program yang ditawarkan oleh setiap fakulti di UniMAP. Selain itu, sistem ini juga membolehkan laporan Attainment of Programme Outcomes yang dihasilkan melalui sistem ini memenuhi piawaian yang ditetapkan. Sistem ini mempunyai modul berikut:

- Security – Pengurusan akaun pengguna
- Programme Outcomes – Pengurusan Penilaian Program
- EC and CC – Penetapan Kohort, Kursus EC dan CC dan Komponen Kursus
- Reporting – Laporan Penilaian Program
- eCourse File – Senarai Semak Dokumen Penilaian



08 SISTEM SURAT TAWARAN (OFFER LETTER)

Sistem Surat Tawaran (OFFER LETTER) merupakan platform kepada calon pelajar unimap untuk membuat semakan status permohonan kemasukan ke Program Pengajian Prasiswazah di Unimap. Calon pelajar boleh mendapatkan surat tawaran secara atas talian (online), menyemak senarai semak kemasukan pelajar, memuat naik dokumen kemasukan dengan cepat, mudah dan pantas dari lokasi semasa pelajar.



09 SISTEM PERMOHONAN KEMASUKAN PRASISWAZAH DALAM NEGARA (EKEMASUKAN)

Sistem Permohonan Kemasukan Prasiswazah Dalam Negara (eKemasukan) merupakan sistem permohonan pelajar secara terus ke UniMAP tanpa melalui UPU. Sistem ini mengandungi beberapa modul seperti modul Pemilihan Program Pengajian, modul Maklumat Peribadi, Maklumat Akademik, Maklumat Waris dan Modul Muatnaik Dokumen Sokongan serta Modul Paparan Borang Permohonan dan cetakan.



10 SISTEM PERMOHONAN DIPLOMA

Sistem Permohonan Diploma merupakan sistem permohonan pelajar secara terus ke UniMAP tanpa melalui UPU. Sistem ini mengandungi beberapa modul seperti modul Pemilihan Program Pengajian, modul Maklumat Peribadi, dan Maklumat Akademik. Sistem ini dibangunkan khusus untuk digunakan oleh lepasan Diploma UniMAP yang akan memohon ke peringkat Program Sarjana Muda di UniMAP.



11 SISTEM PERMOHONAN KEMASUKAN DALAM TALIAN PELAJAR ANTARABANGSA (I-ADMISSION)

Sistem Permohonan Kemasukan Dalam Talian Pelajar Antarabangsa (i-Admission) merupakan platform kepada calon pelajar antarabangsa untuk membuat permohonan kemasukan ke UniMAP secara atas talian. Sistem ini juga memberi kemudahan kepada calon untuk memperolehi maklumat berkenaan senarai semak kemasukan, memuatnaik dokumen kemasukan serta menyemak status permohonan kemasukan ke UniMAP bagi program-program Prasiswazah yang ditawarkan oleh UniMAP.



12 SISTEM DISCOVERER VIEWER

Sistem Discoverer Viewer merupakan sistem pelaporan eksekutif berkaitan pengurusan akademik seperti pelaporan maklumat pendaftaran diri pelajar, pendaftaran semester, pendaftaran kursus, pengecualian kredit, peperiksaan, pengijazahan dan konvokesyen bagi pelajar prasiswazah unimap yang dapat membantu memudahkan urusan pentadbiran Pusat Pengurusan Akademik serta Fakulti.



Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Prasiswazah

Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	AMIS : Pembangunan REST API	DMDC	100%
2.	AMIS : Modul HEA07 - Laporan Penilaian Pelajar Terhadap Kursus	Pusat Pengurusan Akademik	100%
3.	AMIS : Modul Admission - Modul paparan dokumen fail peribadi pelajar	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
4.	AMIS : Modul Registration - Laporan Pendaftaran Kursus	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
5.	AMIS : Modul Program Mgmt - HEA08 - Laporan UKRP	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
6.	AMIS : Modul Graduation - Set Pool Course - Copy Course by T/W	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
7.	AMIS : Modul Graduation - Set Pool Course - Copy Course by T/W	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
8.	AMIS : Modul Graduation - Check Pengambilan Jubah - Perubahan Aliran Proses	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
9.	AMIS : Modul Graduation - Check Pengambilan Jubah - Paparan Gambar Selempang	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
10.	AMIS : Modul Graduation - Set Convo Session - Perubahan Aliran Proses - Set sidang / tarikh / masa - set program	Bahagian Pengurusan Akademik	100%

Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Prasiswazah

Bil	Projek	Pemilik	Status
11.	AMIS : Modul Graduation - Graduation Audit - Semakan MUET Cukup Syarat	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
12.	AMIS : Modul Graduation - Pembangunan emel alert kepada graduan selepas proses pertukaran status ke GD	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
13.	AMIS : Modul Admission - Paparan Program Ditawar bagi sistem permohonan calon pelajar - e-kemasukan, spd, iadmission	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
14.	AMIS : Modul Admission- Laporan eKemasukan	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
15.	AMIS : Modul Examination - Set Examiner - Pembangunan Fungsi Paparan set by bulk - auto paparan nama examiner dari set course group	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
16.	AMIS : Modul Unit Exemption - Surat Pengecualian Unit - Masalah Compress	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
17.	AMIS : Modul Graduation - Notifikasi email kepada pelajar (EG - GD)	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
18.	AMIS : Modul Registration- Notifikasi emel kepada pelajar (AC - GD)	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
19.	AMIS : UniFAST - Pembangunan Rest API - Student Master list	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
20.	AMIS : Modul Admission - Penyelarasan borang admission bagi pelajar program Mobiliti	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
21.	AMIS : Modul Examination - Update Academic Status -Penambahan Fungsi Carian by IC/Passport and Name	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
22.	AMIS : Modul Examination - Report Kepada Library - Senarai Paparan Soalan Peperiksaan by Fakulti dan Course	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
23.	AMIS : Program mgmt - Pembangunan fungsi tambahan data pemeriksa	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
24.	AMIS : Prgm Mgmt - HEA(A)-01 [c] - Pembangunan Laporan dan Pengemaskinian Fungsi Paparan	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
25.	AMIS : Modul Examination - Penambahan Fungsi Delete By Edu Level	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
26.	OSI : Modul Registration - HEA07 - Pembangunan Penilaian Pelajar Terhadap Kursus	Bahagian Pengurusan Akademik	100%

Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Prasiswazah

Bil	Projek	Pemilik	Status
27.	OSI : UniFAST - Pembangunan Rest API - Student Master list	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
28.	OSI : UniFAST - Pembangunan Rest API -Paparannya Kewangan Pelajar	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
29.	OSI : Modul Peribadi - Pembangunan Paparan Maklumat Pendapatan Keluarga	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
30.	OSI : Modul Examination - Pembangunan Paparan Akaun Pelajar (Tidak Meniru Semasa Peperiksaan)	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
31.	OSI : Modul Examination - Pembangunan fungsi pengisian declaration personal data sebelum view keputusan exam.	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
32.	OSI : Modul Login - Kemaskini Fungsi Semakan Login	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
33.	OSI : Additional Semester - Perubahan Struktur Paparan - Modal ke Paparan Biasa	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
34.	Online Course Reg : Kemaskini sql - maklumat semester semasa oleh pengguna	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
35.	Online Course Reg : UniFAST - Pembangunan Rest API - Student Master list	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
36.	Online Course Reg : UniFAST - Pembangunan Rest API - Paparan Kewangan Pelajar	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
37.	eConvo : Modul Pengijazahan - Surat Pengesahan Pengajaran dalam BI (auto)	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
38.	eConvo : UniFAST - Pembangunan Rest API - Student Master list	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
39.	eConvo : UniFAST - Pembangunan Rest API - Paparan Kewangan Pelajar	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
40.	eConvo v3 : New Template Upvex	Bahagian Pengurusan Akademik	95%
41.	eConvo : Pengemaskinian template BM & BI	Bahagian Pengurusan Akademik	100%

Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Prasiswazah

Bil	Projek	Pemilik	Status
42.	EPO : New Template	Pusat Pengurusan Akademik	95%
43.	EPO : Pautan PDF dari AMIS utk hea01 dan hea03	Pusat Pengurusan Akademik	100%
44.	Offer Letter : Pengemaskinian Bagi Kemasukan Diploma dan Ijazah 2024	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
45.	eKemasukan : Pengemaskinian template upload dokumen	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
46.	i-Admission : Pengemaskinian template paparan supaya lebih user friendly	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
47.	SPD V2 : Pembangunan Template Baru - UPVEX	Bahagian Pengurusan Akademik	100%
48.	URDigital UG : Pembangunan UniMAP SuperApps Bagi Modul Pelajar melibatkan fungsi My Profile , My Letter , My Data, My Semester, My Course , My Exemption, My Exam , My Hostel, My Pillars, My Merit, My Fees, Contact Us	Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital	100%
49.	UNISIS : Paparan carian pelajar prasiswazah	Bahagian Pengurusan Akademik	100%

UNIT APLIKASI PASCASISWAZAH

1 URDIGITAL MOBILE APPS - MODUL PELAJAR PASCASISWAZAH VERSI 1.0

URDigital Mobile Apps - Modul Pelajar Pascasiswazah Versi 1.0 merupakan gerbang maklumat sepusat secara mudah alih kepada pelajar prasiswazah yang merangkumi maklumat Akademik, Hal Ehwal Pelajar dan berita kampus. Aplikasi mudah alih ini membantu dalam pengurusan seharian pelajar di universiti.



2 GRADUATE MANAGEMENT INFORMATION SYSTEM (GAMIS)

Sistem ini dibangunkan pada tahun 2005 dan telah melalui perubahan dari fasa 1(2005), fasa 2(2009) dan yang terkini adalah fasa 3(2021 sehingga kini). Tujuan utama adalah untuk mentadbir hal ehwal pelajar pascasiswazah dari mula kemasukan ke UniMAP hingga pelajar bergraduasi. Ianya termasuk dalam menguruskan maklumat-maklumat berkaitan akademik seperti Kemasukan Pelajar, Pendaftaran Diri dan Pendaftaran Kursus Pelajar, Peperiksaan Pelajar dan Pengijazahan Pelajar.



3 ONLINE POSTGRADUATE INFORMATION (OPI)

Sistem ini mula digunakan pada tahun 2012 dan telah melalui perubahan dari fasa 1(2012), fasa 2(2016) dan yang terkini adalah fasa 3(2020 sehingga kini). OPI dibangunkan bagi menyediakan satu platform kepada pelajar pascasiswazah di mana para pelajar boleh mendapatkan maklumat berkaitan diri pelajar itu sendiri secara berpusat.

Antara modul yang terdapat dalam sistem ini dan boleh dicapai oleh pelajar adalah maklumat yang berkaitan dengan pendaftaran diri, maklumat pendaftaran kursus, maklumat peperiksaan, maklumat penyata kewangan, maklumat penyelidikan, maklumat keputusan peperiksaan dan juga permohonan/penghantaran laporan kemajuan kerja, tesis dan viva.



4

ONLINE POSTGRADUATE APPLICATION (OPA)

Sistem ini dibangunkan untuk membantu bakal pelajar memohon program pengajian pascasiswazah yang ditawarkan di peringkat di UniMAP. Sistem ini mengandungi modul-modul seperti berikut:

- Programme - Paparan maklumat tentang program yang dimohon oleh bakal pelajar
- Profile - Maklumat peribadi tentang bakal pelajar
- Contact - Paparan alamat kediaman serta waris yang boleh dihubungi
- Academic - Memaparkan butiran kelayakan akademik
- English - Butiran penguasaan bahasa Inggeris
- Financial - Mengandungi butir-butir tajaan pengajian
- Work Experience - Maklumat pengalaman bekerja
- Referee - Memaparkan maklumat rujukan
- Attachment Summary - Mengandungi senarai semak lampiran yang dimuatnaik
- Submit - Proses untuk menghantar permohonan



Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Pascasiswazah

Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	GAMIS : Pembangunan REST API	DMDC	100%
2.	GAMIS : Modul penambahbaikan kursus kepada pelajar mod penyelidikan berdasarkan surat tawaran yang diterima	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
3.	GAMIS : Modul pengesahan (PR) - Pembangunan Paparan rekod pertukaran PT - FT	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
4.	GAMIS : Modul Pelajar - Pembangunan Paparan Maklumat pelajar di bawah skim diskaun	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
5.	GAMIS : Modul Pelajar - Pembangunan paparan maklumat mobility (inbound/outbound)	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
6.	GAMIS : Modul Pelajar - Pembangunan fungsi maklumat pelajar yang mendaftar melalui introducer.	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
7.	GAMIS : Modul admin - Research (Laporan C4) <ul style="list-style-type: none">• Ringkasan Laporan Panel Pemeriksa Tesis (Viva Voce)• Lampiran C4 Ijazah Doktor Falsafah Fakulti• Lampiran C4 Ijazah Sarjana	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%

Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Pascasiswazah

Bil	Projek	Pemilik	Status
8.	GAMIS : Modul admin - Laporan C5 <ul style="list-style-type: none"> • Senarai Nama Untuk Penganugerahan Ijazah mengikut fakulti dan mod penyelidikan • Ijazah Sarjana Mod Campuran Ijazah Sarjana Mod Penyelidikan 	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
9.	GAMIS : Pembangunan paparan notifikasi 3 bulan sebelum tamat tempoh maksimum pengajian	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
10.	GAMIS : Modul Pelajar - Maklumat jenis kemasukan pada info pelajar (Dual degree, Diskaun UMY, dll)	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
11.	GAMIS : PIT-17C : Pembangunan paparan pengiraan markah	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
13.	OPI : Pembangunan Fungsi Sekatan Capaian untuk permohonan PIT12 dan PIT17 setelah candidature tamat	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
14.	OPI : Pembangunan Notifikasi untuk 3 & 6 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan PIT12	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
15.	OPI : CDM : Pembangunan Paparan Sekatan Capaian kepada pelajar yang tamat candidature.	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
16.	OPI : Examination - Pembangunan fungsi sekatan paparan keputusan peperiksaan jika belum mengisi declaration personal data.	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
17.	OPA: Pembangunan fungsi notifikasi emel selepas verifikasi oleh PR	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
18.	OPA : Student "Self Reset Password"	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%
19.	OPA : Pembangunan fungsi muatnaik dokumen pendapatan keluarga kecuali pilihan surirumah	PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH	100%

5 PENYEDIAAN DAN PENGESAHAN SUMBER DATA BAGI KEPERLUAN AGENSI LUAR

Seksyen ini diberi tanggungjawab bagi penyediaan dan penghantaran data kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan pihak bank yang melibatkan data MyMohes, Tracer Study dan Data Kad Bank Pelajar.

Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Penyediaan dan Pengesahan Data MyMohes pada Jan dan Julai 2024	SQM	100%
2.	Penyediaan dan Pengesahan Data Tracer Study pada Okt 2024	Pusat Pengurusan Akademik	100%
3.	Penyediaan dan Penghantaran Data Kad Bank Pelajar: 1. Penyediaan dan Penghantaran Data Kad Bank Islam Pelajar – Bulan Ogos & Okt 2024 2. Penyediaan dan Penghantaran Data Kad Bank RHB Pelajar – Bulan Ogos & Okt 2024	Pejabat Timbalan Naib Canselor HEPA	100%

6 PENGURUSAN AUDIT ISMS (SIRIM)

Seksyen ini diberi tanggungjawab bagi pengurusan Audit ISMS yang melibatkan Sistem AMIS.

Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Persiapan Sesi Audit Persijilan ISMS pada Jan hingga Feb 2024 dan Okt hingga Nov 2024	Pusat Pengurusan Dan Pembangunan Digital	100%
2.	Penyelenggaraan Sistem AMIS & GAMIS bagi persediaan Audit dalam dan Audit SIRIM meliputi perkara berikut: 1. Penghantaran Senarai Pengguna Kepada Pemilik Sistem 2. Pengemaskinian Senarai Capaian ke Sistem AMIS & GAMIS	Pusat Pengurusan Akademik	100%

7 PENGURUSAN PERSEDIAAN TEKNIKAL SEMPERNA AKTIVITI UNIVERSITI

Seksyen ini diberi tanggungjawab bagi persediaan teknikal semperna aktiviti akademik universiti sepanjang tahun.



Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Persediaan / Semakan Sistem AMIS bagi Modul Peperiksaan - Laporan Peperiksaan untuk Mesyuarat Majlis Peperiksaan Universiti (DIPLOMA) & (IJAZAH)	Pusat Pengurusan Akademik	100%
2.	Persediaan / Semakan Sistem Pendaftaran Kursus untuk Sesi Pendaftaran Kursus Pelajar Ijazah & Diploma		100%
3.	Persediaan / Semakan Fungsi OSI Result Online dan OSI Mobile untuk Sesi Semakan Keputusan Peperiksaan Pelajar Diploma & Ijazah		100%
4.	Persediaan / Semakan Sistem Permohonan Diploma Dalaman		100%
5.	Persediaan / Semakan Sistem Surat Tawaran Online semperna semakan permohonan kemasukan ke UniMAP bagi program Diploma dan Ijazah pada Ogos dan Oktober 2024.		100%
6.	Persediaan teknikal Sistem AMIS dan Sistem Pendaftaran Kursus semperna kemasukan pelajar baru : 1. Minggu Suai Kenal Pelajar Diploma – Ogos 2024 2. Minggu Suai Kenal Pelajar Ijazah – Oktober 2024		100%
7.	Persediaan teknikal Sistem AMIS, Sistem eConvo dan Sistem Return Robe semperna Minggu Pengambilan Pakaian Konvokesyen bagi Majlis Konvokesyen ke 19 – Nov 2024		100%

SEKSYEN DIGITAL KORPORAT




Seksyen digital korporat berfungsi untuk mengurus, menyelenggara, membangun perkara-perkara berkaitan keperluan pengurusan sistem maklumat PTJ di UniMAP, seperti Jabatan Pendaftaran, Pusat Islam, Jabatan Keselamatan, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Pusat Pengurusan Keselamatan Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan (COSHE), Pejabat Penasihat Undang-Undang dan Integriti (PUU) dan lain – lain PTJ. Seksyen ini mempunyai tenaga kerja seramai 1 orang Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, 1 orang Pegawai Teknologi Maklumat dan 1 orang Penolong Pegawai Teknologi Maklumat. Jumlah keseluruhan staf adalah 3 orang.

Pencapaian Seksyen Digital Korporat Tahun 2024



Pencapaian Unit Digital Korporat Tahun 2024



1 UNIVERSITY LEGAL DOCUMENTATION SYSTEM - UNILEGAL

Sistem ini dibangunkan untuk Pejabat Penasihat Undang-undang dan Integriti bagi menguruskan rekod – rekod perjanjian seperti Letter of Intent (LoI), Memorandum of Understanding (MoU), Memorandum of Agreement (MoA), Procurement Contract, Rental Agreement, Lease Agreement, Income Generation Agreement dan lain-lain dokumen perjanjian berkaitan UniMAP



Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Modul Pengurusan Laporan Aktiviti MOU/MOA-Butiran Aktiviti, Pelajar (New/Update/Delete) - Melalui Sistem	Pejabat Penasihat Undang-undang dan Integriti	100%
2.	Modul Pengurusan Laporan Aktiviti MOU/MOA-Butiran Aktiviti, Pelajar (New/Update/Delete) - Melalui Link Emel Tanpa perlu Login		100%
3.	Modul Pengurusan Aktiviti-Notifikasi Emel Laporan Pengurusan Aktiviti bagi MOU/MOA Mengikut Suku Tahun		100%
4.	Modul Auto Kemaskini Status Dokumen & Notifikasi Emel Mengikut Tarikh Kontrak Perjanjian Bagi Setiap Jenis Dokumen (LOI/MOU/MOA/SST/Procurement/Rental/Lease/Income/Generation/Others)		100%

2 SISTEM EPROMOSI

Sistem ini dibangunkan untuk Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (PDCE) bagi menguruskan rekod Maklumat Program Profesional UniMAP.



Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Modul Pendaftaran Calon LLL (New/Update/Delete) - Melalui Sistem	Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (PDCE)	100%
2.	Modul Pendaftaran Calon LLL (New/Update/Delete) - Melalui Link Emel Tanpa perlu Login		100%
3.	Modul Notifikasi Emel untuk Maklumat Promosi/Tawaran		100%

3 INTEGRATED MANAGEMENT SYSTEM ISLAMIC CENTRE - IMSIC

Sistem ini dibangunkan untuk menguruskan khairat kematian dan kebajikan staf oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).



Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Modul Tabung Kebajikan - Sub modul khairat kematian	Pusat Pembangunan Profesional & Pembelajaran Berterusan (PDCE)	100%
2.	Modul Tabung Kebajikan - Sub modul dermasiswa		100%
3.	Modul Tabung Kebajikan - Sub modul bantuan bencana		100%
4.	Modul PIMPIN - Sub modul zakat gaji		100%
5.	Modul PIMPIN - Sub modul bantuan zakat		100%

4 INTEGRATED MANAGEMENT SYSTEM ISLAMIC CENTRE – IMSIC VER2.0


Sistem ini dibangunkan untuk menguruskan khairat kematian dan kebajikan staf oleh Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN).



Bil	Projek	Pemilik
1.	Modul Admin (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
2.	Modul Bantuan Prihatin (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	
3.	Modul Bantuan Khas (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	
4.	Modul Insuran (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	
5.	Modul Bantuan Bencana (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	
6.	Modul Khairat Kematian (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	
7.	Modul Zakat Gaji (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	
8.	Modul bantuan zakat (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	
9.	Modul Aktiviti (ADD/EDIT/DELETE/VIEW)	

5 SAFETY, HEALTH AND ENVIRONMENT MANAGEMENT SYSTEM (SHE V2)

Sistem ini dibangunkan untuk Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan UniMAP (COSHE) bagi memudahkan dan mempercepatkan proses penyampaian dan pemantauan keselamatan dan kesihatan pekerjaan oleh COSHE




Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Modul pelaporan dari Sistem SHE lama (modul melibatkan mangsa/modul harta benda/modul keracunan penyakit/modul penyakit berjangkit (covid))	Pusat Pengurusan Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran Pekerjaan UniMAP (COSHE)	100%
2.	Modul siasatan dari Sistem SHE lama (modul siasatan kecederaan/modul kerosakan harta benda/modul keracunan penyakit)		100%
3.	Modul laporan (Laporan JKPP 8/Laporan penyakit berjangkit)		100%
4.	Modul Pengurusan Pendaftaran Tempat Kerja		100%
5.	Modul Pengurusan Instrumentasi		100%

SEKSYEN DIGITAL PEMBELAJARAN BERTERUSAN




Seksyen ini merupakan platform yang berfungsi sebagai salah satu medium utama bagi menyampaikan sumber maklumat yang komprehensif dan mudah diakses oleh orang ramai. Sebagai wajah digital bagi pusat, organisasi, individu, acara, atau penerbitan, laman web memainkan peranan penting dalam mempromosikan identiti, visi, dan misi entiti yang diwakili. Melalui laman web, pelawat dapat mengakses pelbagai maklumat penting seperti berita terkini, profil organisasi, aktiviti, acara, dan penerbitan ilmiah. Unit ini juga bertanggungjawab dalam pembangunan, penyelenggaraan, dan pengurusan laman web, yang dibahagikan kepada empat kategori utama: PTJ (Pusat Tanggungjawab), Individu, Seminar, dan Jurnal. Setiap kategori laman web ini dibangunkan untuk memenuhi keperluan yang berbeza, dengan reka bentuk dan ciri-ciri yang disesuaikan bagi memastikan setiap laman web memaparkan identiti unik dan matlamat entiti tersebut. Laman web PTJ



Pencapaian Unit Aplikasi Web dan Digital Tahun 2024



Pencapaian Unit Aplikasi Pembelajaran Berterusan Tahun 2024



UNIT APLIKASI WEB DAN DIGITAL (AWD)

1 26 AKAUN PUBLICWEB BAHARU



2 SENARAI LAMAN WEB DAN TUGASAN UNIT AWD

Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Web rasmi UniMAP Versi Mandarin	PKK	100%
2.	Laman Web UNIDANA (Wakaf UniMAP)	Jabatan Bendahari	100%
3.	Laman Web Admission UniMAP	AMC	100%
4.	Laman Web RMC Versi Baharu	RMC	100%
5.	Laman Web Pusat Kesihatan Versi Baharu	Pusat Kesihatan	100%
6.	Migrasi Laman Web Potensi	POTENSI	100%
7.	Migrasi Laman Web MyLibrary	Perpustakaan	100%

Bil	Projek	Pemilik	Status
9.	Laman Web Open & Distance Learning	CGS	100%
10.	Integrasi ChatBot "Cik Maya" dengan Laman Web DMDC	DMDC	100%
11.	Projek Khas Pembangunan URDigital Apps (GUI)	UniMAP	100%
12.	Pembangunan Grafik Digital (38 poster & 5 Slaid Pembentangan)	DMDC	100%
13.	Pembangunan Video (3 video)	DMDC	100%
14.	Penstriman Aktiviti Universiti (10 Aktiviti)	UniMAP	100%

Kursus/Bengkel yang telah dijalankan pada tahun 2024



Laman Web Rasmi UniMAP
Versi Mandarin



Laman Web UNIDANA
(Wakaf UniMAP)



Laman Web Admission
UniMAP



Laman Web RMC
(Versi Baharu)



Laman Web CGS
(Versi Baharu)




Laman Web Pusat Kesihatan
(Versi Baharu)



Migrasi Laman Web Potensi



Migrasi Laman Web
MyLibrary (Versi Baharu)



Laman Web CGEE
(Versi Baharu)

Laman Web Open and
Distance Learning (ODL)



Selain pembangunan laman web yang menarik dan mudah dilayari, Unit ini juga memastikan laman-laman ini diselenggara dengan baik dan sentiasa dikemas kini agar tetap relevan dengan perkembangan terkini. Untuk mencapai tahap keberkesanan yang tinggi, setiap laman web mempunyai Pentadbir Web yang dilantik di bahagian masing-masing. Pentadbir Web bertanggungjawab dalam pengemaskinian kandungan laman web dengan maklumat yang tepat dan terkini, memastikan tiada maklumat yang ketinggalan zaman atau tidak relevan. Mereka juga memastikan bahawa setiap maklumat yang dipaparkan adalah sahih, bertepatan dengan keperluan pelawat, serta memenuhi standard kualiti yang ditetapkan. Dengan adanya laman web yang dibangunkan dan diurus dengan rapi ini, bukan sahaja memperkukuhkan identiti organisasi dalam ruang digital, tetapi juga memudahkan akses kepada maklumat yang berkualiti tinggi. Ini seterusnya membantu meningkatkan keterlibatan dan interaksi dengan komuniti dalam talian, memperluas capaian kepada khalayak yang lebih luas, dan memperkukuhkan imej profesional organisasi di mata umum. Kursus dan bengkel latihan juga dianjurkan oleh unit ini bagi membantu para pentadbir laman web mempelajari pembelajaran penyelenggaraan laman web dan mempertingkatkan kemahiran mengikut trend daripada semasa ke semasa.



Kursus atau Bengkel yang telah dijalankan pada tahun 2024

3 UNIT AWD JUGA MENGESAN BEBERAPA ANCAMAN ATAU SERANGAN SIBER BAGI LAMAN WEB DIBAWAH PEMANTAUAN



PHISHING



WORM INJECTION

<https://mylibrary.unimap.edu.my>

<https://mylibrary.unimap.edu.my>

<https://coeuas.unimap.edu.my/>


<https://ambience.unimap.edu.my/>

<https://amc.unimap.edu.my/>

4 INISIATIF CHATBOT "CIK MAYA"


Pada tahun 2024, unit kami telah mengambil langkah proaktif ke arah inisiatif Kecerdasan Buatan (AI) dengan memperkenalkan DMDC ChatBot, yang diberi nama "Cik Maya". Cik Maya berperanan sebagai imej rasmi Pusat Pengurusan dan Pembangunan Digital UniMAP (DMDC), yang bukan sahaja menampilkan wajah yang mesra dan mudah didekati, tetapi juga menawarkan kemudahan interaksi digital yang lebih efisien kepada para pengunjung laman web. Melalui inisiatif ini, DMDC berhasrat untuk mempermudah akses kepada maklumat yang relevan berkaitan perkhidmatan dan peranan pusat ini, di samping mempercepatkan respons kepada soalan-soalan lazim dan permintaan pengguna.

Cik Maya dirancang untuk menjadi pemudah cara yang responsif, dengan keupayaan untuk menjawab pelbagai pertanyaan berkenaan DMDC, daripada maklumat am, kemudahan teknologi yang disediakan, hingga kepada perkhidmatan yang ditawarkan kepada komuniti UniMAP. Dengan mengintegrasikan teknologi chatbot berasaskan AI ini, kami berharap dapat meningkatkan pengalaman pengguna, mengurangkan beban kerja kakitangan untuk menangani pertanyaan rutin, dan memastikan setiap pengunjung mendapat maklumat yang tepat dan pantas. Ini adalah langkah penting dalam usaha DMDC untuk memodenkan interaksi digital dan meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada warga UniMAP serta masyarakat umum.



5 APLIKASI LAMAN SOSIAL DMDC

Selain itu, Unit ini juga memainkan peranan yang sangat penting dalam menyokong strategi komunikasi digital dan kehadiran dalam talian organisasi. Salah satu fungsi utama unit ini adalah menguruskan dan memantau platform media sosial seperti Facebook, YouTube dan Instagram jabatan. Ini melibatkan perancangan dan pelaksanaan strategi media sosial, penyusunan jadual hantaran, dan pembuatan kandungan yang menarik serta berkualiti tinggi. Melalui pengurusan yang rapi, Unit ini memastikan bahawa mesej organisasi disampaikan dengan konsisten dan efektif kepada audiens yang lebih luas, sekaligus meningkatkan kesedaran dan interaksi dengan komuniti.



6 SOKONGAN APLIKASI DIGITAL

Unit ini juga memainkan peranan aktif dalam pembangunan bahan digital untuk menyokong pelbagai keperluan organisasi. Ini termasuk penyediaan dan penghasilan video yang menarik untuk tujuan promosi, tutorial teknikal, atau laporan acara. Video-video ini direka untuk menyampaikan maklumat dengan cara yang kreatif dan interaktif, menjadikan komunikasi lebih mudah difahami dan menarik bagi audiens. Unit ini juga bertanggungjawab dalam penyediaan slaid pembentangan yang profesional dan berkualiti tinggi, memastikan setiap pembentangan dijalankan dengan lancar dan mencapai objektif yang diinginkan.



Dalam masa yang sama, Unit ini juga terlibat dalam penghasilan poster dan bahan grafik untuk pelbagai acara seperti seminar, bengkel, dan kempen organisasi. Poster-poster ini direka secara kreatif dan sesuai dengan tema serta objektif acara, untuk menarik perhatian serta memberi impak yang positif kepada audiens. Melalui penghasilan bahan grafik yang menarik dan berkesan, Unit ini membantu dalam meningkatkan penyampaian maklumat serta mempromosikan acara dengan lebih meluas.



8 SOKONGAN APLIKASI PENSTRIMAN

Disamping itu juga, Unit AWD menjadi sokongan teknikal bagi penstriman majlis melalui aplikasi Streamyard di platform Facebook rasmi UniMAP. Berikut merupakan senarai penstriman yang telah dijalankan bagi tahun 2024:

Januari

1. Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari (COSCEM) akan akan menganjurkan Sustainability Webinar Series 1/2024 bertajuk : "Perkongsi Amalan Kelestarian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM)"

Mac

1. Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari (COSCEM) akan menganjurkan webinar khas bersempena Ithya Ramadan 2024 bertajuk "Rumah Ibadat Hijau - Pelaksanaan Pembangunan Lestari (SDG) Dalam Pengurusan Masjid"
2. WEBINAR SERIES 2/2024 : PENGURUSAN PELUPUSAN BAHAN-BAHAN YANG MENGANDUNGI AYAT AL-QURAN" (PIMPIN)

Jun

1. Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari (COSCEM) akan menganjurkan Sustainability Webinar Series 5/2024 sempena "World Environment Day 2024"

Julai

1. Pusat Pengurusan Tenaga dan Kampus Lestari (COSCEM) akan menganjurkan Sustainability Webinar Series 6/2024 EECA : "A New Legislation To Drive Energy Efficiency And Conservation In Malaysia"
2. SIEMENS Industrial Sharing Session - A Talk about Automation

Ogos



1. Center of Excellence Micro System Technology (MiCTEC) Webinar Series : Guideline for Registration and Ownership of Intellectual Property (IP) for Research Products, Centres of Excellence (CoE)
2. Program Webinar JBPU Siri 6/2024: Transforming Reality: practical applications of augmented reality technology anjuran Jabatan Bahasa & Pengajian Umum (JBPU)

November

1. INEE WEBINAR SERIES 2/2024: "EXPLORING THE NANOWORLD, SHAPING THE FUTURE" – HOSTED BY INSTITUTE OF NANO ELECTRONIC ENGINEERING
2. SUSTAINABILITY WEBINAR SERIES 8/2024 : GREEN PROCUREMENT : TOWARDS SUSTAINABLE SUPPLY AND SERVICES - Pusat Pengurusan Tenaga & Kampus Lestari (COSCEM)


9 PROJEK KHAS PEMBANGUNAN URDIGITAL APPS (GUI)

Unit AWD telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan GUI bagi pembangunan URDigital Apps. Kami mengambil tanggungjawab untuk membangunkan atau memperkemaskan GUI bagi apps ini dengan mengambilkira konsep flat clean design dan mesra pengguna.



Stay Updated

Get the latest news, events, and announcements from UniMAP to stay informed and engaged with campus life.




Your All-in-One Platform

The URDigital app is designed to simplify and enhance your university journey, whether it's managing your academics, exploring campus resources, or staying connected with university happenings.



Personalized Apps

Tailored information and shortcuts to suit your academic preferences and needs.



Academic & Administrative Services

Quickly access essential academic services, check class schedules, and find helpful resources tailored to UniMAP students.

Secara keseluruhannya, Unit Aplikasi Digital berfungsi sebagai pusat sokongan kreatif dan teknikal bagi organisasi dalam memastikan semua platform digital digunakan secara optimal. Dengan pengurusan yang cekap terhadap media sosial, penghasilan bahan video dan grafik yang berkualiti, serta sokongan dalam penyediaan slaid pembentangan, Unit ini memperkukuhkan lagi kehadiran organisasi dalam dunia digital dan membantu menyampaikan mesej kepada masyarakat dengan lebih efektif dan bermakna.


UNIT SISTEM PEMBELAJARAN BERTERUSAN (SPB)

1 UNIMAP ONLINE LEARNING (ELEARNING)

Sistem Pengurusan Pembelajaran (LMS) ini direka khusus sebagai platform pembelajaran atas talian yang komprehensif bagi pelajar dan pensyarah. Dengan menggunakan platform Moodle, LMS ini menyediakan pelbagai modul pembelajaran yang mudah diakses oleh para pelajar, membolehkan mereka mengikuti bahan kursus, tugasan, dan penilaian dalam satu tempat yang terpusat.

Selain itu, sistem ini turut menyediakan kemudahan untuk pensyarah mengurus kursus, berkongsi bahan pengajaran, mengendalikan penilaian, dan berinteraksi dengan pelajar secara efisien. Semua ini dikoordinasikan oleh Centre For Sustainable Academic Leadership Development (LEAD), yang bertanggungjawab sebagai PIC (Person In Charge) untuk memastikan sistem ini berjalan dengan lancar dan berfungsi mengikut standard kualiti akademik yang ditetapkan.

Dengan adanya LMS ini, proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih interaktif, fleksibel, dan bersesuaian dengan keperluan pendidikan moden yang menekankan kemudahan akses dan pembelajaran sendiri di mana-mana dan pada bila-bila masa.



SENARAI TUGASAN BAGI SISTEM ELEARNING

- Pendaftaran Pengguna Baharu - Membuat akaun pengguna untuk pelajar, pensyarah, dan staf sokongan bagi memastikan akses kepada platform eLearning.
- Penyediaan Kursus dan Pendaftaran Pensyarah - Mewujudkan kursus-kursus baharu dan mendaftarkan pensyarah yang bertanggungjawab untuk mengendalikan kursus tersebut.
- Pemasangan dan Konfigurasi Plugin - Memasang plugin tambahan yang diperlukan untuk memperluas fungsi platform, termasuk modul untuk penilaian, laporan, kolaborasi, dan analitik, serta memastikan setiap plugin berfungsi dengan baik.
- Sokongan Teknikal dan Pemantauan Sistem - Menyediakan sokongan teknikal harian dan pemantauan sistem untuk memastikan platform berfungsi dengan lancar tanpa gangguan.
- Keselamatan dan Backup Data - Mengendalikan langkah-langkah keselamatan termasuk pemantauan akses pengguna dan melaksanakan backup berkala bagi mengelakkan kehilangan data penting.
- Penambahbaikan Antaramuka Pengguna (UI) dan Pengalaman Pengguna (UX) - Menilai dan mengoptimumkan antaramuka dan pengalaman pengguna bagi memastikan sistem lebih mesra pengguna serta memudahkan pelajar dan pensyarah.
- Latihan dan Bantuan Pengguna - Menyediakan sesi latihan serta panduan kepada pengguna baharu untuk memudahkan mereka dalam menggunakan sistem dengan efektif.
- Penyediaan Laporan dan Analisis Penggunaan - Menghasilkan laporan berkala untuk mengukur keberkesanan penggunaan sistem, seperti statistik akses, penyertaan pelajar, dan hasil pembelajaran.
- Integrasi dengan Platform Pembelajaran dan Sumber Luar - Mengkaji dan melaksanakan integrasi platform dengan sumber pembelajaran luar, seperti perpustakaan digital dan repositori OER, bagi memperluas bahan rujukan untuk pelajar.
- Pemantauan dan Pelaksanaan Penambahbaikan Sistem Berdasarkan Maklum
- Balas Pengguna - Menilai maklum balas pengguna dari segi pengalaman dan prestasi sistem, serta melaksanakan penambahbaikan berkala untuk memastikan URFlex kekal relevan dan memenuhi keperluan pengguna yang berubah.

Antara Modul-modul yang terdapat dalam sistem eLearning



Tugasan ini bertujuan untuk memastikan Sistem eLearning sentiasa berfungsi pada tahap optimum dan memenuhi keperluan pembelajaran digital bagi semua pengguna.

Bil	Projek	Status
1.	Membekalkan data penggunaan eLearning	100%
2.	Pemasangan plugin report overviewstats v1.5.1	100%
3.	Pemasangan plugin report coursestats v3.0	100%
4.	Pemasangan plugin mod_peerwork v3.9.5	100%
5.	Pemasangan plugin core_enrol v3.10.4	100%
6.	Pemasangan plugin mod_customcert v3.10.2	100%
7.	Pemasangan plugin mod_attendance v3.9.3	100%
8.	Wiley.zyBooks Integration	100%

2 LIFELONG LEARNING (URFLEX)

Platform Illearning telah diberikan penjenamaan semula kepada URFlex pada 30 April 2024 yang merupakan pintu gerbang kepada pembelajaran fleksibel dan peluang pendidikan seumur hidup. Sistem ini berperanan sebagai platform utama bagi subjek yang ditawarkan melalui Massive Open Online Course (MOOC), Microcredentials, dan Open Educational Resources (OER). Dengan berasaskan kepada platform LMS Moodle, sistem ini direka untuk memudahkan pengguna, termasuk pelajar dan tenaga pengajar, dalam mengakses pelbagai modul pembelajaran yang fleksibel dan terbuka. Platform ini membolehkan pembelajaran mengikut jadual sendiri dan pada kadar yang disukai.

Platform ini menyediakan akses kepada bahan pengajaran yang berkualiti tinggi dan terbuka kepada umum, selari dengan usaha untuk memperkasa pendidikan dalam talian yang inklusif dan mampu diakses oleh semua. Selain itu, penawaran kursus dalam bentuk Microcredentials membolehkan pengguna memperoleh pengiktirafan bagi kemahiran khusus secara modular, menambah nilai kepada pembelajaran dan meningkatkan daya saing mereka di pasaran.

Pusat yang bertanggungjawab (PIC) bagi inisiatif ini adalah Centre For Sustainable Academic Leadership Development (LEAD), yang memastikan pelaksanaan dan penyelenggaraan platform ini memenuhi piawaian kualiti akademik yang ditetapkan. Melalui platform ini, LEAD berperanan dalam menggalakkan pembelajaran sendiri, memperluas jangkauan pendidikan, dan menyokong pembangunan akademik yang lestari di UniMAP.

The image shows a screenshot of the URFlex platform interface. At the top, there is a banner with the UniMAP logo and a photo of students. Below the banner, the text 'UniMAP Flexible Education' is displayed. Underneath, there are four statistics: 20 courses, 37 units, 7 courses, and 65 courses. At the bottom, there are four boxes listing various modules: Assignment, Chat, Choice, Database, External Tools; Feedback, File, Folder, Forum, Glossary, IMS Content Package; Interactive Content (iRSP), Label, Lesson, PDF Annotation, PDF Worksheet, Page; and Quiz, SQORM Package, Survey, URL, Wiki, Workshop.


Antara Modul-modul yang terdapat dalam sistem URFlex

SENARAI TUGASAN BAGI SISTEM URFLEX (MERANGKUMI MICROCREDENTIAL, MOOC, DAN OER)

- Pendaftaran Pengguna Baharu - Membuat akaun pengguna untuk pelajar, pensyarah, dan pengajar luar, bagi memastikan akses yang lancar kepada platform URFlex.
- Penyediaan Kursus dan Pendaftaran Pengajar - Mewujudkan kursus-kursus baharu untuk modul Microcredential, MOOC, dan OER, serta mendaftarkan pengajar yang bertanggungjawab. Tugas ini juga termasuk memastikan pelajar atau peserta kursus didaftarkan dengan betul bagi setiap kursus yang ditawarkan.
- Pemasangan dan Konfigurasi Plugin Tambahan - Memasang plugin-plugin tambahan yang diperlukan bagi menambah fungsi khusus, seperti analitik pembelajaran, kolaborasi interaktif, dan penilaian digital, serta memastikan setiap plugin berfungsi dengan stabil.
- Penyelenggaraan dan Pengemaskinian Kandungan Kursus - Mengemaskini bahan pengajaran, menambah modul baru, serta memastikan semua kandungan kursus adalah terkini dan relevan, khususnya bagi kursus yang cepat berubah seperti teknologi dan kemahiran industri.
- Pemantauan dan Sokongan Teknikal Berterusan - Menyediakan sokongan teknikal secara berkala serta memantau sistem untuk memastikan operasi lancar tanpa gangguan. Tugas ini termasuk menangani isu teknikal, jika ada, dengan pantas.
- Keselamatan Data dan Backup Berkala - Menjalankan langkah-langkah keselamatan yang menyeluruh, termasuk pengurusan akses pengguna dan backup berkala untuk memastikan data pengguna dan maklumat kursus sentiasa dilindungi.
- Pengoptimuman Antaramuka dan Pengalaman Pengguna - Memperbaiki antaramuka pengguna (UI) dan pengalaman pengguna (UX) berdasarkan maklum balas pengguna dan analisis penggunaan, agar platform lebih mesra pengguna dan mudah diakses oleh pelajar dan pengajar.
- Latihan dan Sesi Orientasi untuk Pengguna Baharu - Menyediakan sesi latihan dan orientasi untuk pengajar dan pelajar baharu, serta menyediakan panduan penggunaan bagi membolehkan mereka memanfaatkan semua ciri-ciri yang disediakan oleh platform URFlex.
- Pembangunan Laporan dan Analitik Pembelajaran - Menghasilkan laporan berkala tentang prestasi kursus, penglibatan pengguna, serta statistik akses untuk menilai keberkesanan platform dan mengidentifikasi ruang untuk penambahbaikan.
- Integrasi dengan Platform Pembelajaran dan Sumber Luar - Mengkaji dan melaksanakan integrasi platform dengan sumber pembelajaran luar, seperti perpustakaan digital dan repositori OER, bagi memperluas bahan rujukan untuk pelajar.
- Pemantauan dan Pelaksanaan Penambahbaikan Sistem Berdasarkan Maklum Balas Pengguna - Menilai maklum balas pengguna dari segi pengalaman dan prestasi sistem, serta melaksanakan penambahbaikan berkala untuk memastikan URFlex kekal relevan dan memenuhi keperluan pengguna yang berubah.

Setiap tugas ini direka untuk menyokong keberkesanan URFlex dalam menyediakan pengalaman pembelajaran yang komprehensif, interaktif, dan mudah diakses bagi pelajar dan pengajar dalam ekosistem pembelajaran digital.

Bil	Projek	Status
1.	Pembangunan kaedah pembayaran yuran (manual) dalam Microcredential	100%
2.	Pemasangan plugin report overviewstats v1.5.1	100%
3.	Pemasangan plugin report coursestats v3.0	100%
4.	Pemasangan plugin mod_peerwork v3.9.5	100%
5.	Pemasangan plugin core_enrol v3.10.4	100%
6.	Pemasangan plugin mod_customcert v3.10.2	100%
7.	Pemasangan plugin mod_attendance v3.9.3	100%



Senarai Plugin installation pada tahun 2024 untuk eLearning dan URFlex

3 LIFELONG LEARNING MANAGEMENT SYSTEM (LIMS)

Sistem ini mula diperkenalkan pada tahun 2021 khusus untuk Pusat Pembangunan Profesional dan Pembelajaran Berterusan (PDCE). Learning Information Management System (LIMS) ini dibangunkan sebagai sebuah platform komprehensif bagi pelajar eksekutif yang ingin melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dalam program Diploma Eksekutif dan Ijazah Sarjana Muda Eksekutif.

Tujuan utama sistem ini adalah untuk memudahkan pentadbiran hal ehwal pelajar, bermula dari proses kemasukan ke UniMAP sehingga pelajar berjaya bergraduasi. LIMS berfungsi sebagai pusat pengurusan maklumat akademik yang merangkumi pelbagai aspek penting, termasuk Kemasukan Pelajar, Pendaftaran Pelajar dan Kursus, Peperiksaan, serta Pengijazahan. Dengan adanya sistem ini, pengurusan maklumat akademik menjadi lebih sistematik dan efisien, memastikan setiap aspek perjalanan akademik pelajar dapat dipantau dan diurus dengan teliti.

Pusat yang bertanggungjawab dalam pengendalian dan penyelenggaraan sistem ini adalah Professional Development and Continuing Education (PDCE), yang komited untuk memastikan pengalaman pembelajaran yang berkualiti dan berkesan bagi pelajar-pelajar eksekutif di UniMAP.



Senarai Tugasan Pembangunan Sistem LIMS bagi tahun 2024

Bil	Projek	Status
1.	Penambahbaikan Perakuan Terima	100%
2.	Penambahbaikan Surat Tawaran Bachelor Profesional Pengurusan Perniagaan	100%
3.	Penambahbaikan kategori Bangsa	100%
4.	Penambahbaikan Cetakan Permohonan terdahulu apply31	100%
5.	Penambahbaikan function search untuk Admit dan Pre registration	100%
6.	Penambahbaikan Accept Offer	100%

4 ONLINE PROFESSIONAL STUDENT INFORMATION (OPSI)

Sistem Online Pengurusan Sumber Informasi (OPSI) telah siap dibangunkan pada tahun 2022 khusus untuk memenuhi keperluan Pusat Pembangunan Profesional dan Pembelajaran Berterusan (PDCE). Sistem ini direka bagi menyediakan platform yang komprehensif kepada pelajar eksekutif dan pelajar ijazah lanjutan, di mana mereka dapat mengakses maklumat penting berkaitan diri dan akademik.

Dalam fasa 1 pembangunan, modul yang disediakan telah membolehkan pelajar mengakses maklumat seperti penyata kewangan dan maklumat pendaftaran kursus, dan kini ia telah mencapai status 100% siap. Bagi fasa 2, OPSI akan diperluaskan lagi dengan menyediakan akses kepada maklumat yang lebih menyeluruh, termasuk pendaftaran diri, maklumat peperiksaan, keputusan peperiksaan, serta kemudahan untuk permohonan dan penghantaran laporan kemajuan kerja. Pusat yang bertanggungjawab bagi penyeliaan dan operasi sistem ini ialah Professional Development and Continuing Education (PDCE), yang berdedikasi untuk menyediakan perkhidmatan terbaik dalam mendukung keperluan akademik dan pengurusan maklumat pelajar eksekutif di UniMAP.



5 ONLINE PROFESSIONAL STUDENT INFORMATION (OPSI) DAN APPLY3L

Sistem APPLY3L pula dibangunkan untuk mempermudah proses permohonan pelajar ke dalam program profesional yang dianjurkan oleh PDCE. Melalui sistem ini, calon pelajar dapat dengan mudah mengisi maklumat peribadi, memilih program yang ingin dipohon, serta memuat naik dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan sebagai bukti permohonan. Selain itu, sistem ini menyediakan antaramuka yang mesra pengguna untuk memastikan proses permohonan berjalan dengan lancar dan efisien.



Senarai Tugasan Pembangunan Sistem OPSI/APPLY3L bagi tahun 2024

Bil	Projek	Status
1.	Penambahbaikan Profil – buang profile berulang	100%
2.	Penambahbaikan Academic Information	100%
3.	Penambahbaikan maklumat OPSI setting	100%
4.	Penambahbaikan maklumat Financial OPSI	100%
5.	Penambahbaikan susunan Applicant List (Ascending)	100%
6.	E-Offer auto generate surat tawaran	100%
7.	Online registration	100%
8.	Penambahbaikan maklumat Yuran proses (Apply3L)	100%
9.	Penambahbaikan Payment Method (Apply3L)	100%
10.	Penambahbaikan paparan Examination - Examination kepada Assessment	100%
11.	Penambahbaikan A:Profil	100%
12.	User Manual Sistem Apply3L	100%

6 PEMBANGUNAN REST-API UNTUK INTEGRASI APLIKASI LIMS DENGAN SISTEM KEWANGAN UNIFAST

Sejak bulan Februari yang lalu, Unit Pembangunan Sistem telah memulakan pembangunan beberapa REST-API bagi membolehkan integrasi yang lancar antara Aplikasi LIMS dan Sistem Kewangan UNIFAST UniMAP yang baharu. Usaha ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan data kewangan pelajar dan memastikan aliran maklumat yang konsisten dan automatik di antara kedua-dua sistem. Setakat ini, sebanyak 14 REST-API telah berjaya dibangunkan untuk menyokong fungsi-fungsi di dalam sistem kewangan

REST-API untuk Aplikasi LIMS

- **APIServiceLimsPreRegUG**
- **APIServiceLimsProgram**
- **APIServiceLimsReg**
- **APIServiceLimsRegPGCW**
- **APIServiceLimsRegPGRResearch**
- **APIServiceLimsRegUG**
- **APIServiceLimsStudAll**
- **APIServiceLimsStudAllDetails**
- **APIServiceLimsStudAllStatus**
- **APIServiceLimsStudHRDC**
- **APIServiceLimsStudReg**
- **APIServiceLimsStudRegister**
- **APIServiceLimsUsers**
- **APIServiceStudSemCurrLIMS**

Kolaborasi/Kursus/Seminar/Latihan SDPB bagi tahun 2024


Bil	Program	Tarikh	Tempat	Kolaborasi/Anjuran
1.	Bengkel Perkongsian Amalan Terbaik e-Pembelajaran IPTA/IPTS	5 Februari 2024	USIM	Anjuran Pusat Pembangunan Sistem dan Kejuruteraan (SDEC) dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (CETL) USIM
2.	Sesi Perkongsian Ilmu (Knowledge Transfer) dan Demonstrasi Dashboard Blended Learning ePembelajaran	5 Jun 2024	Virtual (GoogleMeet)	SDEC USIM
3.	Lawatan Penanda Aras DiGIT UTP	4 Julai 2024	DiGIT UTP, Perak	DMDC
4.	Lawatan Penanda Aras PPKT USM	5 Julai 2024	PKPT USM, Pulau Pinang	DMDC
5.	Amazon Web Services (AWS) Cloud Computing Briefing - Empower Educators to Improve our World with AWS	2 September	Virtual (GoogleMeet)	AWS
6.	Conference on ICT for University 2.0 (ICT4U 2.0) – Pesertadan Pembentang	18-19 September 2024	Hotel ParkRoyal, Pulau Pinang	USM
7.	MoodleMoot Malaysia 2024	27 September 2024	Hotel Corus, KLCC	ModernLMS Malaysia

SEKSYEN DIGITAL SOKONGAN




Seksyen Digital Sokongan berfungsi untuk mengurus, menyelenggara, membangun aplikasi berkaitan tempahan fasiliti untuk PTJ dan Fakulti, pengurusan aduan kerosakan, pengurusan aduan korporat, tempahan kenderaan, serta pengurusan aplikasi khidmat sokongan lain seperti pengurusan bil utiliti, pengurusan permohonan kad staf serta permohonan perkhidmatan VPN. Seksyen ini juga terlibat dalam pengurusan teknikal untuk Istiadat Konvokesyen UniMAP.

Pencapaian Seksyen Digital Sokongan Tahun 2024



Pencapaian Unit Digital Sokongan Tahun 2024



Perincian Kemajuan Unit Aplikasi Sokongan

Bil	Projek	Pemilik	Status
1.	Sistem Utility – Pembangunan REST API	Jabatan Pembangunan	100%
2.	UFCBS – Modul Kenderaan(Admin) -Admin -Staf -Kenderaan -Lokasi	Jabatan Pembangunan	100%
3.	UFCBS – Modul Kenderaan(Admin) -Senarai Tempahan	Jabatan Pembangunan	100%
4.	UFCBS – Modul Kenderaan(Admin) -Kenderaan Dalam Tugasan -Kenderaan Sedia Operasi	Jabatan Pembangunan	100%
5.	UFCBS – Modul Kenderaan(Admin) -Kemaskini Odometer Kenderaan	Jabatan Pembangunan	100%
6.	UFCBS – Modul Kenderaan(User) -Borang Tempahan	Jabatan Pembangunan	100%
7.	UFCBS – Modul Kenderaan(User) -Rekod Tempahan	Jabatan Pembangunan	100%
8.	UniSIS – UFCBS -Kemaskini Akses Modul Tempahan Kenderaan	Jabatan Pembangunan	100%
9.	UniSIS-UniKAD(User) -Borang permohonan -Rekod permohonan	Jabatan Pendaftar	100%
10.	HRMV3-UniKAD(Admin) -Borang Permohonan -Senarai Permohonan -Senarai Proses -Laporan -Generate QR	Jabatan Pendaftar	100%

1 UFCBS -SISTEM TEMPAHAN KENDERAAN

Untuk tahun 2024, terdapat 1 pembangunan modul tempahan baru telah lengkap dibangunkan untuk jabatan Pembangunan UniMAP iaitu Sistem Tempahan Kenderaan. Modul-modul yang terlibat dalam sistem ini adalah seperti berikut :

Modul Admin :

- Senarai Tempahan
- Kenderaan Dalam Tugasan
- Kenderaan Sedia Operasi
- Kemaskini Odometer Kenderaan

Modul Pengguna :

- Borang Tempahan
- Rekod Tempahan




2 UNIKAD - SISTEM PENGURUSAN KAD STAF

Pembangunan sistem baru ini adalah keperluan bagi Jabatan Pendaftaran untuk menguruskan permohonan kad staf di UniMAP. Pembangunan ini telah lengkap dibangunkan dan telah beroperasi. Terdapat 2 akses bagi sistem ini iaitu Admin perlu mengakses daripada url iushrmv3.unimap.edu.my manakala bagi pengguna mereka boleh mengakses melalui unisis.unimap.edu.my. Antara modul yang terdapat dalam Sistem UniKAD ini adalah seperti berikut:

Modul Admin dan Pengguna :

- Borang Permohonan
- Senarai Permohonan
- Senarai Proses
- Laporan
- Generate QR
- Rekod permohonan



3 VPN – SISTEM PENGURUSAN PERMOHONAN VIRTUAL PRIVATE NETWORK (VPN)

Sistem pengurusan ini di inisiatifkan untuk dibangunkan bagi memenuhi keperluan Audit di DMDC. Sistem pengurusan VPN ini dibangunkan bagi memenuhi keperluan tersebut dan bagi memenuhi keperluan untuk pendigitalan perkhidmatan DMDC di UniMAP. Beberapa modul telah dibangunkan seperti yang berikut:

Modul Admin dan Pengguna:

- Admin Sistem
- Senarai Permohonan
- Rekod Permohonan Dalam
- Rekod Permohonan Luar
- Rekod permohonan




SEKSYEN DIGITAL HAL EHWAL PELAJAR




